



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4101]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Ibu Kota Persekutuan (Pindaan) [Ruangan 4143]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.,
D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam)

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI
SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,
S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).

- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., (Samarahan).
- „ DATOK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).

Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).

- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Bentong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

Yang Berhormat .TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N.,
S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH,
D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S.,
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan
Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Ranjang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K, S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).

Yang Berhormat **TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B.**
(Tumpat).

- „ **TUAN TING CHEK MING (Bruas).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).**
- „ **DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).**
- „ **TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).**
- „ **PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).**
- „ **DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).**
- „ **DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).**
- „ **TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 21hb Oktober, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**MINYAK MENTAH—CARIGALI
PETRONAS**

1. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah banyak minyak yang dikeluarkan dari telaga minyak pada setiap tahun sejak PETRONAS ditubuhkan;
- (b) berapakah keuntungan yang diperolehi oleh PETRONAS pada setiap tahun sejak penubuhannya; dan
- (c) apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini dalam kegiatan carigali "down stream" PETRONAS dalam usaha memanfaatkan rakyat Malaysia.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengeluaran minyak tiap-tiap tahun sejak PETRONAS ditubuhkan adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Juta Tong</i>
1974	29.5
1975	35.8
1976	60.5
1977	67.0
1978	79.1
1979	103.4
1980	100.9
1981	91.3

Keuntungan bersih selepas cukai bagi setiap tahun kewangan berakhir 31hb Mac yang diperolehi oleh PETRONAS sejak ia ditubuhkan adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>\$ Juta</i>
1976	250.7
1977	662.6
1978	674.7
1979	761.4
1980	2,203.3

Aktiviti "down stream" PETRONAS pada masa ini terbahagi kepada 2 bahagian besar iaitu:

- (1) Pemasaran runcit bahan-bahan petroliaam;
- (2) Projek-projek berasaskan petroliaam.

Kemajuan yang telah dicapai sehingga ini adalah seperti berikut.

Dalam aktiviti pemasaran runcit PETRONAS telah mengadakan:

- (a) 21 stesen Skid Tank bagi menjual diesel dan minyak tanah;
- (b) 2 stesen petrol;
- (c) Perkhidmatan bunker di Pasir Gudang dan Pelabuhan Kelang;
- (d) Kemudahan-kemudahan aviation di Lapanganterbang Senai, Pulau Pinang dan Subang;
- (e) Penjualan minyak secara langsung kepada pengguna-pengguna besar. Umpamanya, minyak bahan pembakar kepada Lembaga Letrik Negara, diesel kepada MAJUIKAN, MADA, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan kontraktor-kontraktor Kerajaan serta syarikat-syarikat swasta.

Selain daripada itu, PETRONAS juga sedang merancang pembinaan kemudahan bunkernya sendiri di Pasir Gudang, Pelabuhan-pelabuhan Kelang dan Kuantan dan pembinaan LPG Bottling Plantnya sendiri di Selangor dan Prai.

Dalam projek-projek berasaskan petroliam PETRONAS sedang melaksanakan:

- (a) Pembinaan projek Liquefied Natural Gas di Bintulu. Projek ini dijangka siap awal tahun 1983. Bila siap projek ini akan mengeluarkan gas sebanyak 6 juta tan metrik setahun untuk dieksport ke Jepun;
- (b) Pembinaan projek Urea ASEAN/ Bintulu. Projek ini dijangka dapat memulakan operasinya dalam tahun 1985 dengan mengeluarkan ammonia sebanyak 1,000 tan metrik setahun dan urea sebanyak 1,500 tan metrik setahun.
- (c) Projek kilang-kilang penapis minyak di Trengganu dan Melaka. Kontrak kerja pembinaan kilang di Trengganu telah pun diberi kepada kontraktor yang berjaya dan projek ini dijangka siap dalam tahun 1983. Kilang ini dapat menapis 30,000 tong sehari.

Projek di Melaka masih di dalam peringkat penyediaan rekabentuk yang sesuai. PETRONAS juga sedang mengkaji kemudahan membina lain-lain projek kimia seperti menthyl.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya suka bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada benar bahawa PETRONAS telah mengurangkan pengeluaran minyak mentah sebanyak 40,000 hingga 50,000 tong sehari sejak pertengahan tahun ini dan

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah pertanyaan itu.

Perdana Menteri: Benar.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan sama ada penapisan

minyak mentah yang diperolehi oleh PETRONAS dilakukan oleh PETRONAS sendiri ataupun syarikat lain dan berapakah penapis minyak yang dipunyai oleh PETRONAS?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, di waktu ini PETRONAS tidak dapat menapis sendiri kerana tidak mempunyai kilang penapis minyak dan minyak mentah PETRONAS dibuat tapisannya di Singapura dengan syarikat-syarikat lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa sebelum satu keputusan dibuat untuk mengurangkan pengeluaran minyak mentah oleh PETRONAS, sebelum itu pihak Kerajaan ada mengarahkan PETRONAS untuk menambah pengeluaran dan menyebabkan kerugian yang dihadapi oleh PETRONAS oleh kerana "oil glut" dalam keadaan pasaran dunia. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi sebab-sebab kenapa arahan pada masa itu dibuat terhadap PETRONAS untuk menambah pengeluaran, kalau ini benar?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana harga minyak tidak meningkat seperti yang dijangka maka untuk mendapatkan kewangan yang telah dirancang maka terpaksa kita mengeluarkan minyak lebih banyak. Oleh itu PETRONAS telah diberi arahan untuk mengeluarkan minyak lebih banyak.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam hubungan usaha memberi manfaat kepada rakyat Malaysia hasil dari pengeluaran minyak, apakah royalti hanya diberi kepada negeri yang mengeluarkan minyak dan bagaimana dengan negeri-negeri yang belum ada minyak?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, royalti yang diberi sekarang ini ialah sebanyak 5% kepada negeri yang mengeluarkan minyak.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu Dewan ini berapa lama boleh

dapat minyak di tanahair kita sebab eksport kita yang pertama sekarang ini ialah minyak dan bukannya getah dan minyak palm oil. Oleh itu bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beri satu keterangan berapa lama kita boleh hidup atas minyak?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak hidup atas minyak lebih lama, kita boleh keluarkan minyak itu kurang (*Ketawa*). Kalau kita hendak hidup lebih pendek, kita boleh keluarkan lebih banyak.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengatakan bahawa ada arahan untuk menambah pengeluaran itu dikeluarkan dan kemudian ada juga arahan dibuat untuk pengeluaran minyak mentah dikurangkan sehingga pengurangan itu adalah di antara 40,000 hingga 50,000 tong. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu apakah had pengeluaran minyak mentah sehari sebelum pengurangan pengeluaran itu berlaku dan apakah had pengeluaran minyak sekarang ini iaitu selepas pengurangan pengeluaran minyak itu dibuat?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Amat Berhormat sudah ada angka itu bolehlah jawab. Kalau tidak tentulah berkehendakkan notis.

Perdana Menteri: Tidak ada.

Tuan Lee Kaw: Mengenai jawapan tadi iaitu berhubung dengan "down stream activities", adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar dasar syarikat-syarikat minyak dalam Malaysia ini tidak akan membina stesen-stesen dalam Malaysia lagi jika sedar, apakah rancangan PETRONAS untuk membina stesen-stesen di seluruh Malaysia dan jika ada rancangan ini, bolehkah memberitahu dalam Dewan ini di mana boleh didirikan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya tidak ada menjadi dasar kepada syarikat-syarikat minyak di Malaysia tidak membina stesen-stesen minyak lagi. Apa yang telah berlaku ialah oleh kerana kekurangan minyak dan keadaan pasaran mereka tidak mengadakan pembinaan stesen minyak dengan begitu raneak seperti dahulu. Pihak PETRONAS pula sedang mengadakan

satu rancangan untuk membina lebih banyak stesen-stesen minyak tetapi ini terpaksa memakan masa. Sehingga sekarang seperti saya telah terangkan tadi cuma dua stesen sahaja dapat dibina.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi nampaknya royalti 5% ini hanya diberi kepada negeri yang mengeluarkan minyak semata-mata. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apakah tugas PETRONAS masih lagi melalui Bahagian Carigali mencari dan berikhtiar negeri-negeri lain juga supaya dapat sumber minyak ini. Kalau ada, negeri mana yang agak-agak boleh dapat keluarkan minyak?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, di waktu ini belum ada rancangan untuk mencarigali minyak di negeri Kedah tetapi mungkin di dataran laut yang menyebelahi Pahang mungkin ada usaha mencarigali selain daripada Sabah dan Sarawak.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, memandangkan bahawa keuntungan yang diperolehi oleh PETRONAS bertambah setahun demi setahun, sukacita saya mendapat tahu bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan keuntungan ini untuk memberi faedah kepada para pengguna. Misalnya adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan cukai minyak di negara kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS seperti juga syarikat-syarikat yang lain membayar cukai ke atas keuntungannya selain daripada cukai eksport yang dikenakan kepada segala minyak yang dieksport daripada negara Malaysia.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada memberi jawapan yang panjang lebar mengenai aktiviti PETRONAS dalam usaha mencarigali minyak. Memandangkan bahawa PETRONAS walaupun ditugaskan untuk mentadbir dan mengusahakan carigali minyak, aktiviti-aktiviti mencarigali minyak adalah dijalankan oleh syarikat-syarikat minyak yang terbesar dalam dunia seperti Esso dan Shell. Memandangkan itu adakah pihak Kerajaan

pernah menerima sebarang aduan tentang kecurian minyak atau pengeluaran berlebihan yang tidak dicatat dalam rekod? Sekiranya ada, adakah sebarang siasatan dijalankan oleh pihak Kerajaan atas aduan itu dan adakah benar bahawa meter-meter untuk mengawal pengeluaran minyak dan mencatat berapa banyak tong minyak dikeluarkan hanya dipasang dalam 'wells' selepas menerima aduan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan telah menerima aduan secara langsung dan tidak langsung berkenaan dengan apa yang dikatakan pengeluaran minyak secara haram dan Kerajaan sedang mengadakan siasatan.

Berkenaan dengan soal meter-meter itu, saya tidak dapat memberi penjelasan kerana kes ini sedang dalam proses undang-undang.

Datuk Edwin anak Tangkun: Baru-baru tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan bahawa dalam tahun 1983 di Bintulu akan mengeluarkan tidak kurang dari 6 juta tong dalam satu tahun. Adakah Kerajaan bercadang menurunkan harga gas di Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu merupakan terdahulu (in anticipation) di bawah Peraturan Mesyuarat itu tidak boleh disoal.

TOHMAHAN RASUAH TERHADAP JABATAN TANAH DAN GALIAN PULAU PINANG

2. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan apakah keputusan siasatan Biro Siasatan Negara atas perkara rasuah dan kesalahan dalam Jabatan Tanah dan Galian, Pulau Pinang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Biro Siasatan Negara masih lagi menjalankan penyiasatan tentang tohmahan rasuah yang dibuat terhadap Jabatan Tanah dan Galian Pulau Pinang.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, adakah Biro Siasatan Negara membuat siasatan dalam kesalahan malpractices di pejabat ini di Pulau Pinang? Jika ya, adakah satu kes di mana Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang

ada terlibat? Jikalau beliau ada terlibat, apakah tindakan diambil terhadap beliau?

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat itu sudah jelas, iaitu itu dalam siasatan lagi.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, soal rasuah dalam siasatan, tetapi kesalahan malpractices—ada dua bahagian kepada soalan saya, bukan satu.

Tuan Yang di-Pertua: Rasuah dan kesalahan itu sekali, melainkan Yang Amat Berhormat hendak menambah.

Perdana Menteri: Biarlah setakat itu, Tuan Yang di-Pertua.

LEBUHRAYA BARU JABOR/ JERANGAU—KEROSAKAN

3. Tuan Alias bin Md. Ali minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) sebab-sebab berlaku kerosakan, yang amat teruk kepada lebuhraya baru Jabor/Jerangau;
- (b) jumlah peruntukan yang diperlukan untuk memperbaiki lebuhraya tersebut;
- (c) tindakan yang diambil terhadap Syarikat Italian-Thai yang membina lebuhraya tersebut;
- (d) sama ada Biro Penyiasatan Negara telah diminta menyiasat perkara ini untuk memastikan tidak berlaku perbuatan rasuah di dalam pembinaan lebuhraya tersebut.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan Ahli Yang Berhormat ialah seperti berikut:

- (a) Kerosakan itu telah berlaku ketika pembinaan lebuhraya dan sebelum lebuhraya itu dibuka dan dizezatkan oleh sebab lebuhraya ini digunakan oleh lori-lori balak. Ketika itu belum ada undang-undang melarang lori-lori balak menggunakan lebuhraya semasa pembinaan seperti ini. Tetapi semenjak lulusnya undang-undang Pindaan kepada Seksyen 2 Ordinan

Lalu Lintas Jalan, perkara ini dapatlah diatasi. Bagaimanapun kerosakan telah berlaku dan kerosakan ini bertambah buruk dengan adanya lori-lori balak yang membawa muatan lebih daripada 9 tan pada tiap-tiap satu gandar atau axle iaitu berat maksima yang dibenarkan dalam menggunakan Lebuhraya Jerangau/Jabor ini.

- (b) Jumlah peruntukan yang dianggarkan untuk memperbaiki dan memperkuat jalan ialah \$20 juta.
- (c) Kementerian telah mendapat kepastian dari Jurutera Perunding yang mengawasi pembinaan jalanraya bahawa kerosakan jalanraya itu bukanlah akibat dari kerja yang tidak memuaskan oleh Pemborong-pemborong. Oleh itu, soal tindakan terhadap pihak kontraktor tidaklah timbul;
- (d) Tidak, perkara ini tidak timbul.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, sama ada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pihak JKR mengambil setahun lebih untuk membaiki kerosakan-kerosakan kepada jalanraya itu? Saya hendak tahu kenapa lama sangat kerja-kerja membaiki baru dijalankan. Yang kedua, saya hendak tahu sama ada benar jalan ini pada satu ketika dahulu strukturnya memang dibuat tidak mengikut sepatutnya iaitu strukturnya itu pada designnya hanya untuk membolehkan kereta-kereta yang kecil lalu. Sama ada perkara ini benar atau tidak?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan struktur dan rekabentuk atas jalan tidaklah benar, sebab pada mulanya jalan ini adalah direkabentuk untuk mengambil keberatan lori sebanyak 18,000 lb. pada satu axle. Tetapi adalah didapati bahawa lori-lori balak mempunyai keberatan sebanyak 37,000 lb. pada satu axle yang menggunakan jalan ini. Penggunaan oleh lori-lori yang berat ini telah menyebabkan kerosakan atau structural failure terhadap jalan yang ada sekarang. Berkenaan dengan memperbaiki keadaan jalan ini, Kementerian Kerjaraya dan

Jabatan Kerjaraya telah mendapat satu laporan daripada Kerajaan Negeri Trengganu dan apabila kita mendapat peruntukan dalam tangan kita akan menjalankan kerja-kerja untuk memperbaikinya. Pada masa sekarang kita telah memohon kepada Kementerian Kewangan untuk mendapat satu peruntukan untuk memperbaiki keadaan jalan itu. Saya harap apabila kita menerima peruntukan itu kita akan menjalankan kerja.

Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Di dalam soalan (b) tadi Yang Berhormat Menteri menerangkan bahawa untuk memperbaiki lebuhraya tersebut akan memakan belanja sebanyak \$20 juta. Saya ingin tahu berapakah perbelanjaan asal membuat jalan itu.

Dato' S. Samy Vellu: Berkenaan dengan harga asal saya tiada angka-angka di sini, Tuan Yang di-Pertua.

HASIL DARIPADA MINYAK KEPADA KERAJAAN NEGERI SARAWAK

4. Tuan Thomas Salang Siden minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau mempunyai sebarang rancangan untuk menambahkan peratus hasil yang didapati dari Syarikat Minyak di Miri untuk Kerajaan Negeri Sarawak. Jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada rancangan untuk menambahkan peratus hasil pendapatan daripada pengeluaran minyak kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Pada masa ini Kerajaan Negeri Sarawak menerima royalty dalam bentuk bayaran tunai sebanyak 5% daripada pengeluaran minyak mentah dan penjualan gas. Pada tahun 1980 Kerajaan Negeri Sarawak telah menerima \$116 juta dari sumber pendapatan ini dan jumlah tersebut merupakan 35% daripada jumlah pendapatan negeri itu. Ini merupakan pertambahan yang besar daripada jumlah \$30 juta yang diterima oleh negeri Sarawak daripada sumber yang sama dalam tahun 1975. Selain daripada itu adalah dijangka Negeri Sarawak akan menerima lebih banyak lagi pendapatan apabila gas asli mulai dieksport dalam tahun 1983.

SYARIKAT YANG MELANGGARI AKTA SYARIKAT

5. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Pendaftar Syarikat terhadap syarikat-syarikat yang telah melanggar Akta Syarikat dengan mempelawa orang ramai membeli saham-sahamnya tanpa mempunyai prospektes yang didaftar dengan Pejabat Pendaftar Syarikat seperti Matang Holdings Bhd., Pan Hwa Holdings Bhd., sepertimana dilaporkan kepada beliau (Pendaftar Syarikat) seawal-awal bulan Julai, 1981.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, Pendaftar Syarikat telah menjalankan pemeriksaan ke atas syarikat-syarikat yang disyaki melanggar undang-undang dan semua buku atau daftar-daftar yang dikehendaki disimpan mengikut undang-undang (statutory records) diperiksa dengan teliti. Buat masa ini, hasil dari pemeriksaan dahulu (preliminary) itu adalah didapati bahawa buku-buku dan daftar-daftar itu tidak menunjukkan apa-apa bukti bahawa satu-satu kesalahan telah dilaku di bawah Akta Syarikat 1965. Walau bagaimana pun, pihak Kementerian saya masih mengawasi syarikat-syarikat yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan Kementerian saya masih dalam proses siasatan lanjutan kepada syarikat-syarikat ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi sebab kenapa Pendaftar Syarikat mengambil masa begitu panjang untuk menyiasat perkara ini di mana satu perkara yang begitu mudah sama ada syarikat-syarikat tertentu ada prospektes yang didaftar dengan Registry Syarikat oleh kerana satu siasatan ada dibuat di mana tidak ada prospektes yang ada didaftar dengan Registry Syarikat untuk membenarkan empat-empat syarikat ini untuk mempelawa orang ramai untuk membeli saham-saham. Itu adalah salah di bawah Akta Syarikat. Adakah kelewatan atau keengganan pihak yang berkenaan untuk mengambil tindakan yang tegas ialah oleh kerana syarikat-syarikat ini didiri oleh pemimpin-pemimpin MCA di beberapa negeri?

Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di dalam siasatan ini tidak boleh dikatakan lewat, kerana di dalam penyiasatan satu-satu kes jenayah tentulah mengambil masa yang melibatkan banyak perkara-perkara. Maka saya rasa mungkin mengambil masa yang begitu lambat dan panjang untuk memutuskan adakah tidak satu-satu daripada data-data atau keterangan-keterangan ini akan menjadi satu-satu kesalahan baik pun di bawah Akta Syarikat 1965 ataupun ada kesalahan yang lain. Maka saya sukalah menyatakan di dalam Dewan ini iaitu siasatan ini tentulah mengambil masa dan soalan yang kedua tidak relevant langsung.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa siasatan awal (preliminary) sahaja dibuat. Saya mahu tahu sama ada siasatan masih dijalankan untuk mengambil satu keputusan muktamad atas aduan-aduan mengenai syarikat-syarikat ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana barangkali kita ketahui di dalam criminal case tidak ada limitation. Kalau sampai 100 tahun pun tidak ada halangan, boleh dibawa dan saya rasa kes ini akan dilangsungkan jikalau ada menunjukkan bukti dan kita akan ambil tindakan jikalau menunjukkan satu-satu kesalahan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap bahawa pihak Kerajaan tidak ambil 100 tahun untuk siasat kes keempat-empat syarikat ini. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada sebab-sebab yang sangat penting di mana siasatan yang segera patut dibuat oleh kerana wang orang ramai yang terlibat ialah berpuluh juta ringgit. Semacam Matang Holding di Johor ada kutip \$60 juta, di Pik Hwa di mana Timbalan Menteri Kewangan pun ada menyeru rakyat untuk membeli saham ada mengutip sekurang-kurangnya \$30 juta. Cerdik Holding ada mengutip \$20 juta, Pan Hwa Holding pun begitu juga. Untuk menjaga wang rakyat sebab itu ada Akta Syarikat, adakah Yang Berhormat Menteri akan mengarahkan siasatan yang segera

dijalankan supaya wang rakyat yang lebih \$100 juta boleh dapat perlindungan dan bukan ambil 100 tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan soalan tambahan tadi kerana "segera" itu. Kalau boleh "segera" sahaja. Ini sudah ada dalam siasatan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya misalkan 100 tahun. Saya harap kita semua hidup sampai 100 tahun bahkan termasuk juga Ahli Yang Berhormat yang bertanya sekejap tadi. Saya suka menyatakan kepada Dewan ini iaitu kita sentiasa akan mengamalkan prinsip-prinsip yang diamalkan oleh negara yang semacam kita yang mana bertanggungjawab kepada rakyat. Saya katakan juga ada setengah-setengah kes telahpun dilaporkan kepada Polis dan Polis akan mengambil tindakan sewajarnya. Dengan hal ini kita akan mengamalkan prinsip sepertimana yang dikatakan kalau salah kita bawa ke court. Dan pihak Kerajaan akan bertanggungjawab di atas satu-satu konsep melalui prosecution atau nolle prosequi dan sebagainya. Kita akan bertanggungjawab. Inilah amalan dan saya suka menyatakan kepada Dewan ini kita akan membuatkan apa-apa yang sesuai untuk mengambilkan hal ini.

PERUSAHAAN KECIL DI LUAR BANDAR

6. **Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bagaimanakah rancangan untuk menggalakkan rakyat mendirikan perusahaan kecil di pekan-pekan kecil yang bertaburan di luar-luar bandar akan dijalankan.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini terlebih dahulu ingin saya menjelaskan jenis perusahaan atau industri kecil yang akan digalakkan atau didirikan di bawah naungan dan kawalan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Penjelasan ini menjadi perlu supaya tidak ada pihak yang memikirkan bahawa tugas yang melibatkan industri kecil oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bertindih dengan bidang tugas yang sama di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Walaupun nama Unit Pembangunan Industri Kecil di kedua-dua Kementerian kelihatan hampir sama, tetapi bahagian Pembangunan Industri Kecil di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah terbatas untuk kawasan luar bandar dan bagi industri-industri kecil yang menggunakan bahan-bahan yang mudah diperolehi di luar bandar seperti kayu, akar, rotan, buluh, jerami, tanah liat, tempurung, mengkuang, sabut dan lain-lain.

Walaupun bagaimanapun, industri kecil ini haruslah dibeza dari industri kraftangan atau apa yang dinamakan Karyanika. Walaupun bahan yang digunakan untuk Karyanika dan perusahaan atau industri kecil mungkin sama. Sementara hasil Karyanika mengutamakan nilai seni dan kerjanya dibuat dengan tangan, industri kecil mengutamakan nilai penggunaan (utility value) dan menggunakan jentera-jentera kecil. Sementara pengeluaran Karyanika tergantung kepada kemampuan seniman di bidang kraftangan, pengeluaran hasil industri kecil pula tertakluk kepada permintaan pengguna. Oleh itu untuk menjayakan rancangan mendirikan perusahaan kecil yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, perkara-perkara berikut mendapat perhatian:

- (1) mengesan sumber bahan yang diperlukan;
- (2) mengecam jenis industri yang boleh didirikan;
- (3) memperuntukkan modal;
- (4) melatih pekerja-pekerja industri;
- (5) menyelaraskan urusan pengeluaran, mutu dan pemasaran;

Sehingga hari ini pihak Kerajaan telah mengesan sumber-sumber bahan dan 300 jenis industri untuk kawasan luar bandar. Usaha sedang dijalankan untuk mengadakan mesin-mesin dan menyediakan jadual latihan bagi pekerja-pekerja yang akan diambil.

Satu dari faktor terpenting yang akan memestikan rancangan ini ialah dengan penglibatan pihak Kementerian secara langsung dalam bidang pemasaran. Kementerian juga akan memastikan adanya sistem pengurusan yang cekap dan berkesan di bidang pembangunan industri kecil ini.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, adakah menjadi satu syarat bagi pengusaha-pengusaha kecil itu menukar tanahnya dari jenis tanaman kepada perindustrian untuk menjalankan perusahaan kecil itu oleh kerana itu ada satu syarat yang tidak menggalakkan perusahaan kecil itu.

Tuan Sanusi bin Junid: Saya kurang jelas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang soalan tambahan.

Tuan Au How Cheong: Adakah Kementerian ini mengenakan syarat bahawa sebelum perusahaan kecil ini dijalankan, tanah-tanah yang berjenis tanaman itu harus ditukar kepada perindustrian sebelum perusahaan itu dapat dijalankan.

Tuan Sanusi bin Junid: Kita belum lagi sampai kepada masalah ini dalam pelaksanaan.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana kita sedia maklum banyak negeri telah mengadakan kawasan-kawasan industri kecil di pekan-pekan kecil di luar-luar bandar. Jadi adakah Kementerian ini berikhtiar untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh perusahaan-perusahaan kecil dengan memberikan keutamaan iaitu bekalan air yang mencukupi di kawasan berkenaan, tenaga api yang memuaskan dan kemudahan

jalanraya di kawasan yang berkenaan serta kemudahan telefon sebagaimana yang diperlukan oleh perusahaan-perusahaan kecil ini.

Tuan Sanusi bin Junid: Memang pihak Kementerian berpendapat dan masih memikirkan kemungkinan untuk mengadakan kawasan industri kecil desa dan mengenai kemudahan, kita akan mengadakan prasarana yang seperlunya demi kepentingan industri kecil ini. Tetapi apa kemungkinan industri kecil ini tidak perlu kawasan yang luas, kadangkala boleh diadakan di dalam sebuah bangunan kecil di tepi rumah pengusaha yang sudah sedia ada.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi nampaknya terdapat 300 jenis perusahaan kecil yang boleh diwujudkan di dalam negara kita ini. Perusahaan kecil ini ataupun industri kecil ini nampaknya di negara kita adalah satu perkara yang baru yang mana kalau dibanding dengan Taiwan, Korea dan Thailand benda ini begitu maju sekali. Adakah Kementerian bercadang apabila dapat kesan orang-orang ini supaya mereka ini dihantar ke luar negeri dapat latihan supaya pentadbiran lebih cekap dan berkesan sepertimana yang diharapkan oleh Menteri berkenaan.

Tuan Sanusi bin Junid: Kementerian berpendapat adalah lebih murah jika syarikat-syarikat luar negeri yang membekalkan jentera atau mesin itu sendiri menghantar teknisyen mereka untuk mengajar pengusaha kecil kita cara menjalankan mesin itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

Tuan Alias bin Md Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 7, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

PERKHIDMATAN MAS—MEMPERBAIKI

7. Tuan Alias bin Md. Ali (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki perkhidmatan udara MAS yang mana pada kebelakangan ini kapalterbang MAS selalu mengalami kerosakan sehingga tergendala beberapa jadual penerbangan;
- (b) adakah perkara itu berlaku disebabkan MAS kekurangan tenaga engineer yang mahir ataupun ianya disebabkan kerana kapal terbang terlalu banyak penerbangannya dan kekurangan masa untuk diservis dan adakah MAS bercadang hendak membeli atau menambahkan bilangan kapalterbang yang ada sekarang; dan
- (c) bagaimana dengan rancangan MAS untuk membuat penerbangan dengan Boeing 737 antara Kota Kinabalu dan Tawau, dapatkah perkhidmatan ini dilaksanakan seperti yang dijadualkan iaitu pada bulan November tahun ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hasan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) memanglah menjadi dasar MAS untuk sentiasa mempertingkatkan dan memodenkan perkhidmatannya. Beberapa rancangan jangka panjang dan jangka pendek sentiasa dikaji dan dilaksanakan untuk matlamat ini. Hasrat untuk mengadakan perkhidmatan yang cekap dan memuaskan telah mendorong MAS mengkaji jenis-jenis pesawat yang lebih sesuai dari segi ekonomi dan keselesaan untuk penumpang-penumpang. Dalam bidang

penyelenggaraan kapalterbang pula (aircraft maintenance) pihak MAS telahpun mengambil dan mengikut dengan rapi arahan-arahan yang telah ditetapkan oleh badan-badan penerbangan awam antarabangsa, pihak penguasa awam dalam negeri dan juga dari pihak-pihak pengeluar-pengeluar kapalterbang (aircraft manufacturers). Sungguhpun langkah-langkah tertentu yang ditetapkan telah diambil namun begitu kadangkala terdapat juga kerosakan pesawat. Ini adalah disebabkan oleh keadaan-keadaan yang tidak dapat dikawal.

- (b) Sebagaimana yang telah diterangkan, kerosakan pesawat bukanlah disebabkan oleh kekurangan kakitangan yang mahir ataupun penggunaan kapalterbang yang berlebihan. Masalah kekurangan kakitangan yang mahir tidak timbul dalam MAS, kerana sejak MAS ditubuhkan, bahagian kejuruteraannya telah menjalani perkembangan yang pesat mengikut taraf antarabangsa (international standard). Kakitangan-kakitangan kejuruteraan MAS dilatih dengan rapi dan cukup baik di dalam negeri ataupun di luar negeri termasuklah latihan dengan pengeluar-pengeluar kapalterbang dan syarikat penerbangan antarabangsa yang lain.

Taraf kejuruteraan MAS adalah tinggi dan setanding dengan taraf antarabangsa. Misalnya, MAS telah dua kali memenangi "Penghormatan Boeing" (Boeing Award) kerana mencapai taraf yang paling tinggi di dunia dalam bidang "Engineering Despatch Reliability" bagi pesawat B737 dalam tahun 1973 dan 1978. Dari segi penggunaan kapalterbang pula, tidak mungkin penggunaan yang berlebihan berlaku kerana perkara ini adalah diawasi dengan ketat dan rapi oleh badan-badan penerbangan awam antarabangsa dan juga pihak berkuasa penerbangan awam dalam negeri.

Pihak MAS memang ada rancangan untuk menambahkan bilangan pesawat-pesawat yang ada sekarang. Baharu-baharu ini MAS telahpun menambah satu lagi pesawat Airbus dan sebuah pesawat Boeing 737 pada jumlah pesawat-pesawat yang ada sekarang. MAS juga telah membeli 2 buah pesawat F27 yang baharu bagi menggantikan 2 pesawat F27 yang disewa. Keputusan juga telah dibuat untuk menggantikan 2 daripada Britten Norman Islander yang ada dengan pesawat-pesawat yang lebih besar, iaitu yang boleh membawa lebih kurang 20 orang penumpang. MAS juga telahpun menempah 2 buah kapal terbang Boeing 747 yang dijadualkan tiba dalam bulan Mac atau April, 1982.

- (c) Sebagaimana yang telah dirancang, perkhidmatan B737 akan dimulakan di Tawau dalam bulan November tahun ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pihak MAS kehilangan berjuta ringgit iaitu wang yang boleh digunakan untuk membaiki perkhidmatan MAS ini iaitu oleh sebab ketidak kecekapannya mengendalikan soal penjualan tiket.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat Ahli Yang Berhormat itu tolong terangkan maksud yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru, terangkan macam mana penjualan tiket itu boleh menyebabkan kerugian.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya iaitu seringkali kita terdapat kesah-kesah di mana kita hendak menempah tiket, dikatakan tiket sudah habis dijual tetapi bila naik di kapal terbang nanti didapati kadang-kadang hampir setengahnya kosong

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sebahagian

besarnya disebabkan ada agen-agen telah membuat block booking bagi tempat-tempat di dalam sesebuah kapal terbang itu, tetapi apabila masanya tiba sebahagian daripada tempat-tempat duduk itu telah tidak diambil dan kadangkala banyak juga penumpang-penumpang tidak datang ke lapangan terbang yang berkenaan apabila masanya tiba.

Tuan V. David: Soalan pertama iaitu perkara latihan. Adakah MAS membuat satu perjanjian dengan SIA di Singapura bagi memberi latihan kepada crew-crew MAS. Sebab semenjak MAS berpecah dengan Singapura dahulu nampaknya nama ISA dalam dunia telah mencapai satu imej yang baik. Fasal apa pula imej MAS kita belum lagi meningkat tinggi. Bolehkah kita adakan satu perjanjian di mana kita menghantar pekerja-pekerja MAS berlatih di Singapura dan dengan cara itu kita boleh membawa suatu sistem pekerjaan yang efficiency kepada pekerja-pekerja MAS. Yang kedua.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu. Jemput Yang Berhormat.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju mengatakan MAS tidak terkenal di peringkat antarabangsa sekarang dan saya telahpun terangkan dalam jawapan saya sebentar tadi. Di dalam jawapan saya, saya telah juga menyatakan bahawa latihan bagi kakitangan MAS ada dibuat di dalam dan di luar negeri—tidak semestinya kita tumpukan kepada SIA ataupun syarikat-syarikat tertentu, tetapi pada keseluruhannya dan kita pilih mana yang terbaik sekali.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nampaknya perkhidmatan MAS begitu cekap, begitu licin dan sempurna sehingga dapat dapat hadiah dunia sebagai penghargaan. Tetapi mengapa dan sebab apa berlaku pada 7hb ini penumpang-penumpang balik berhari raya ke Kedah menunggu daripada pukul 4.30 hendak naik kapal terbang MAS B737 di Subang terpaksa menunggu sehingga pukul 8.30 dan lepas daripada itu terpaksa turun di

Pulau Pinang di sana disediakan bas, mencari driver bas 2 jam baharu dapat. Passengers sampai pukul 2.00 tengah malam di Alor Star. Mengapa dan sebab apa perkara ini berlaku lagi, sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah berjanji begitu cekap dan sempurna perjalanan MAS.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan khas macam ini tentu berkehendakkan masa untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri menyiasatnya, melainkan sudah ada bahannya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat pun ada mengemukakan soalan yang sama mengenai perkara ini. Saya akan jawab apabila masanya tiba.

Tuan Yang di-Pertua: Ada akan datang?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Ada.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Sebenarnya jaminan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan MAS dalam negeri ini sudah kita dengar berulang kali diberikan pada Dewan ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sebelum ini dan juga Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sebelum ini dan tetapi keadaannya menjadi bertambah buruk. Kalau hendak bawa cerita satu persatu mengenai jumlah penerbangan yang dikenselkan, lambat dan sebagainya, kita boleh buat satu novel panjang.

Kemudian baharu-baharu ini pula MAS minta naik tambang kapal terbang perkhidmatan dalam negeri. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak MAS bercadang hendak melantik suatu firma agensi consultant daripada luar negeri atau mana-mana juga yang pakar dalam masalah mengatur perkhidmatan penerbangan supaya kita dapat perbaiki semua kelemahan yang ada, mengkaji semua kelemahan yang ada dan memperbaiki kata orang putih 'once and for all'. Dan sebelum kita menaikkan tambang kapal terbang, lebih baik kita perbaiki perkhidmatan itu dahulu.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, perlantikan pakar perunding yang berkenaan telahpun diperbuat dan hasil

daripada kajian itu sedang diteliti oleh pihak MAS dan juga Kementerian Pengangkutan.

KENAIKAN INFLASI KE DOUBLE DIGITS

8. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa inflasi telah bertambah baru-baru ini sehingga sampai ke "double digits" dan sama ada langkah-langkah aktif telah diambil untuk memerangi tekanan-tekanan inflasi kerana orang-orang miskinlah yang akan terjejas oleh inflasi.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu dari manakah Ahli Yang Berhormat itu dapat maklumat bahawa inflasi di negara kita telah bertambah sehingga sampai ke "double digits". Maklumat yang ada pada Kerajaan menunjukkan bahawa dari segi purata kadar inflasi telah meningkat hanya sebanyak 9.7% dalam 8 bulan pertama tahun 1981.

Suka saya jelaskan di sini bahawa Kerajaan sentiasa memerhatikan keadaan kenaikan kadar inflasi di negara ini dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memerangi tekanan-tekanan inflasi yang boleh menjejaskan kehidupan rakyat. Kerajaan juga terus-menerus memberi perhatian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat yang berpendapat rendah di negara ini. Pertambahan yang agak pesat dalam 8 bulan pertama tahun 1981 adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh kadar-kadar pertambahan yang tinggi dalam kebanyakan angka-angka tunjuk, terutamanya makanan sebanyak 9.5%, minuman dan tembakau sebanyak 16.1%, pengangkutan dan perhubungan sebanyak 11% dan sewa kasar bahan api dan kuasa sebanyak 10.4% berbanding dengan pertambahan masing-masing yang rendah sebanyak 10.4% berbanding dengan pertambahan masing-masing yang rendah sebanyak 3.5%, 4%, 4.9% dan 9.6% dalam jangka masa yang sama tahun 1980. Pertambahan dalam kadar-kadar tersebut adalah lebih tinggi dari kadar-kadar yang dijangkakan. Namun begitu, dari segi perbandingan antarabangsa pertumbuhan dalam kadar inflasi di negara ini adalah masih

rendah. Pukul rata hanya sebanyak 6.8% setahun semenjak tahun 1974 berbanding dengan negara-negara lain yang telahpun mengalami kadar inflasi double digits seperti negara Sri Lanka sebanyak 21%, Bolivia sebanyak 37%, Korea sebanyak 64% dan Argentina sebanyak 85% dalam jangka masa yang sama.

Sebahagian besar dari pertambahan dalam kadar inflasi di negara ini adalah disebabkan oleh paras inflasi yang berterusan tinggi di negara-negara perindustrian utama yang juga merupakan rakan dagangan utama negara kita. Akibatnya, harga-harga import negara kita terus meningkat dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Dari segi purata tahunan kira-kira 64% dari keperluan import negara adalah dari negara-negara OECD dan dari jumlah ini 51.3% adalah mengandungi barang-barang penggunaan dan pelaburan.

Berikutan dengan pertambahan yang pesat dalam harga-harga eksport negara-negara tersebut pada tahun lalu dan pertambahan selanjutnya pada tahun ini, harga-harga import negara kita telah meningkat tinggi sebanyak 16.8% dalam 5 bulan pertama tahun 1981 ini. Kekurangan-kekurangan bekalan dalam negeri khususnya bagi makanan seterusnya mendorong kepada kenaikan harga.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telahpun mengambil berbagai langkah dalam bentuk fiskal kewangan dan pentadbiran untuk membendung inflasi. Langkah-langkah yang telah dijalankan terdiri dari perubahan-perubahan cukai seperti pelepasan dan pengurangan duti-duti import dan eksais, penyediaan subsidi-subsidi, galakan-galakan bagi menambahkan pengeluaran, semakan gaji serta pengurusan suasana kewangan yang teliti untuk menyalurkan kumpulan wang bagi pelaburan dan lain-lain kegunaan produktif sahaja.

Selanjutnya Kerajaan telah memansuhkan duti import ke atas hampir semua barang-barang makanan yang penting kecuali ke atas barangan yang diberi perlindungan tarif, cukai jualan juga tidak dikenakan ke atas barang-barang makanan. Bagi tahun 1981 Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah

kira-kira \$1.2 ribu juta yang meliputi berbagai jenis subsidi, terutamanya barang-barang makanan dan petrolium. Ini merupakan tambahan sebanyak \$153 juta atau 15% dari perbelanjaan sebenar sebanyak \$1.05 ribu juta dalam tahun 1980. Kerajaan akan terus melaksanakan langkah-langkah ini pada tahun yang akan datang dan mengambil langkah-langkah baru jika diperlukan dalam usaha-usaha untuk membendung inflasi. Dengan langkah-langkah ini keadaan inflasi dijangka akan bertambah baik dalam tahun 1982.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah Kementerian beliau boleh mencuba supaya kadar inflasi 6.8% itu disamakan dengan kadar penambahan makanan yang dikatakan oleh beliau sebanyak 9.7% sebagai satu langkah supaya keperluan-keperluan rakyat itu dapat disamakan dengan inflasi negara seluruhnya.

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sebagai strategi Kerajaan untuk memerangi inflasi, sukacita saya maklumkan bahawa Kementerian Pertanian sedang merancang untuk melakukan satu rancangan secara besar-besaran bagi meningkat lagi pengeluaran makanan dalam negara kita ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu setuju bahawa kadar inflasi yang tinggi yang terdapat di negara-negara lain tidak seharusnya dijadikan kayu pengukur ataupun menyenangkan kita mengenai kadar inflasi dalam negeri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa kadar inflasi yang terdapat di negara kita dalam beberapa tahun ini harus membimbangkan, khususnya jika kita tinjau dari segi bahawa pada 10 tahun selepas merdeka itu kenaikan inflasi adalah hanya lebih kurang 1% setahun sahaja.

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa keadaan inflasi di negara-negara lain tidaklah boleh dijadikan kriteria bagi negara kita, tetapi kita harus bersikap realistik juga

bahawa keadaan inflasi di negara-negara yang lain di dunia ini terutama negara-negara yang lebih maju yang mana kita mengimport sebahagian besar daripada barang-barang keperluan kita dan juga barang-barang untuk pelaburan bagi negara kita sedikit sebanyak akan membawa kesan kepada keadaan inflasi di dalam negara kita ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ada sebab-sebab yang lain yang mana negara-negara yang kalau dahulu telah dapat mengawal inflasi pada paras yang rendah tidak boleh lagi mengharapkan pada masa akan datang kita dapat kembali kepada keadaan di masa-masa yang lalu yang mana inflasi dalam 2% ataupun 3% sahaja di dalam negara kita. Walau bagaimanapun, dengan langkah-langkah yang saya telah huraikan tadi dan langkah-langkah baru yang mungkin diumumkan pada hari Jumaat ini akan merupakan tindakan-tindakan selanjutnya bagi kita untuk mengawal inflasi dalam negara kita.

Tuan V. David: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jaminan di Dewan ini harga barang-barang makanan tidak dinaikkan, saya nampak 13.8% ada dinaikkan barang makanan. Barang makanan tidak ada bersangkutan dengan inflasi luar negeri. Barang-barang makanan di Malaysia lebih kurang semuanya kita boleh dapat dalam negara kita. Saya nampak harga dinaikkan sebab orang berniaga mencari untung yang lebih dengan lekas. Kalau Kerajaan ada satu badan Lembaga Harga, jadi kita boleh kontrol harga barang-barang makanan yang mana orang miskin tidak akan susah. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan untuk melantik satu badan Lembaga Harga di mana harga-harga boleh ditetapkan? Kalau sesiapa menjual lebih boleh ditangkap di bawah undang-undang di mana mereka tidak boleh menjual lebih daripada harga yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini minta jaminan atau minta tubuh satu badan?

Tuan V. David: Saya cadangkan Kerajaan menubuhkan satu badan juga jaminan supaya harga tidak dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah nyatakan tadi Kerajaan melalui Kementerian Pertanian akan mengambil tindakan untuk meningkatkan lagi pengeluaran makanan di dalam negara kita dan di bawah rancangan baru ini soal pemasaran akan diberi perhatian yang berat oleh pihak Kerajaan.

Mengenai dengan syor Ahli Yang Berhormat itu tidak perlu, Tuan Yang di-Pertua, diwujudkan sebuah Lembaga kerana sudah ada cukup jentera bagi kita monitor dan mengawasi keadaan pada masa ini.

TARAF PENDUDUK TETAP KEPADA ORANG ASING

9. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau akan menimbang untuk melonggarkan peraturan keras yang dikuatkuasa bagi seorang isteri kepada Warganegara Malaysia yang asal dari luar negeri, di antaranya ialah seorang isteri yang asal dari luar negeri selepas tinggal di Malaysia dalam masa yang singkat terpaksa meninggalkan Malaysia dengan cara mengambil Pas Lawatan telah menyebabkan mereka menghadapi berbagai kesusahan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, pemberian taraf penduduk tetap kepada orang-orang dari negara asing termasuk isteri kepada warganegara adalah tertakluk kepada Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan Imigresen 1963. Taraf penduduk tetap diperolehi ialah dengan cara pengeluaran permit masuk yang mana ianya hanya boleh dikeluarkan kepada mereka yang terkecuali daripada Perintah Imigresen (Larangan Masuk) L.N. 227/63. Sayogia diingat bahawa seseorang isteri asing kepada warganegara tidaklah mempunyai apa-apa hak istimewa sebagai "as of right" untuk mendapat permit masuk untuk tinggal tetap semata-mata berasaskan bahawa suaminya seorang warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, pada 6hb Februari, 1980 Kerajaan telah memberi kelonggaran kepada isteri

asing kepada warganegara yang berkahwin sebelum 6-2-1980 dan membuat permohonan permit masuk sebelum 6-3-1980 di mana mereka ini dibenarkan tinggal di negara ini atas dasar setahun ke setahun selama lima tahun di atas pas lawatan. Saya suka menyatakan di sini bahawa Kerajaan sedar tentang masalah yang dihadapi oleh isteri asing kepada warganegara yang berkahwin selepas tarikh yang telah ditetapkan itu. Mengenai masalah ini saya sedang mengkaji semula dasar yang ada itu dan suatu pengumuman akan dibuat apabila kajian itu selesai kelak.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Sungguhpun ini bukanlah merupakan satu hak istimewa tetapi adakah dari segi peri kemanusiaan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri akan mempertimbangkan satu rayuan di mana isteri-isteri asing yang biasanya hamil akan diperintah keluar daripada Malaysia terpaksa berpisah dengan keluarganya. Ertinya adakah syarat-syarat ini akan dilonggarkan supaya mereka boleh diizinkan tinggal bersama-sama dengan keluarga dan suami mereka?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, sementara menunggu pengumuman baru saya, saya telahpun mengarahkan pihak Kementerian saya untuk melonggarkan syarat ini supaya isteri asing biasanya ataupun baru ini terpaksa dikeluarkan dan tidak dapat balik langsung diberi lanjutan sementara saya membuat keputusan.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menerangkan Kerajaan telah memberi kelonggaran kepada isteri-isteri asing. Soalan saya adakah kelonggaran ini terhadap kepada seorang isteri sahaja atau membolehkan beberapa banyak isteri dibawa masuk?

Tuan Yang di-Pertua: Yang rasmi sahajalah agaknya. Yang Amat Berhormat, sila jawab.

Dato' Musa Hitam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua sudah menjawab bagi pihak saya (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Saya bukan menjawab; saya hanya terlintas di hati sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dalam kajian yang sedang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atas perkara kedudukan memberi taraf tetap untuk isteri-isteri asing, bolehkah pihak Kementerian pun mengkaji membuat apa-apa pindaan terhadap undang-undang yang ada untuk memberi "as of right" sebagai satu hak seorang yang ada berkahwin dengan seorang warganegara Malaysia boleh mendapat entry permit supaya boleh selepas itu membuat permohonan untuk taraf tetap?

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan tegas telah diberikan tadi oleh Yang Amat Berhormat iaitu tidak sebagai "as of right". Barangkali Yang Amat Berhormat hendak tambah lagi.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang hendak meminda Akta ataupun undang-undang yang ada sekarang. Saya suka menjelaskan di sini bahawa soal yang dikemukakan ialah berhubung dengan entry permit dan bukan soal kedudukan tetap. Ini ada bezanya di antara satu sama lain. Tetapi kepada soalan yang kedua tadi Kerajaan tidak bercadang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 22 adalah diberi di bawah ini).

ELAUN PERUMAHAN PEKERJA-PEKERJA SEKTOR AWAM

10. Tuan Lee Kaw minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memperluaskan bayaran elaun perumahan yang dinikmati sekarang oleh pegawai-pegawai Kerajaan tertinggi untuk meliputi semua kategori kakitangan Kerajaan untuk membantu mereka mengatasi kesusahan-kesusahan yang disebabkan akibat kekurangan teruk perumahan di seluruh negara.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Pada dasarnya Kerajaan tidak membayar Elaun Perumahan kepada pekerja-pekerja dalam sektor awam kerana tanggagaji yang telah diluluskan telah

mengambil kira perbelanjaan bagi tempat kediaman yang biasanya terkandung di dalam pendapatan seseorang.

Walau apapun, oleh kerana keadaan tugasnya, Angkatan Tentera, Perkhidmatan Pasukan Polis, Perkhidmatan Penjara, Perkhidmatan Bomba adalah layak diberi perumahan yang percuma mengikut skim perkhidmatannya. Selain dari itu sebilangan pegawai yang menjalankan tugas yang berbentuk perkhidmatan penting atau 'essential service' yang dikehendaki sentiasa berada atau tinggal berhampiran dengan tempat kerjaya seperti Penjaga Jentera, Pekerja-pekerja Loji dan Pekerja-pekerja Janakuasa, Penjaga Get Kunci Air atau Penjaga Get Keretapi, Penyenggara Bekalan Air dan Letrik, Ketua-ketua Jabatan tertentu termasuk Pegawai-pegawai Tingkatan Tertinggi dalam Kumpulan 'A' diberi kelayakan untuk menduduki Rumah Khas Jabatan dan Rumah Khas Jawatan oleh Kerajaan tanpa bayaran sewa. Elaun Bantuan Sewa Rumah hanya dibayar mengikut kadar yang diluluskan apabila Kerajaan tidak menguntukkan Rumah Khas Jabatan atau Rumah Khas Jawatan atau rumah biasa Kerajaan yang dilayaki kepada kakitangan yang melayakki rumah Kerajaan tanpa sewa.

Kerajaan tidak bercadang untuk membayar elaun perumahan kepada semua kakitangan Kerajaan yang tidak layak di bawah daripada Tingkatan Tertinggi 'G' Kumpulan 'A' dan lain-lain selain daripada kakitangan Kerajaan yang layak mendapat rumah Kerajaan yang percuma mengikut skim perkhidmatannya. Seperti yang disebutkan terdahulu, gaji bersih baru yang dibayar kepada pekerja-pekerja sektor awam sekarang telahpun mengandungi unsur bagi perbelanjaan untuk perumahan mereka.

DEFICIT PERDAGANGAN

11. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar negara kita mengalami deficit perdagangan yang besar bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 1981; jika ya, apakah tindakan positif yang akan diambil untuk mencegah kemerosotan ini.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Soalan yang sama telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam Dewan ini pada 13hb Oktober, 1981. Oleh itu tidaklah perlu bagi saya menjawab soalan ini lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat analisa yang mendalam mengenai perdagangan kita boleh didapati dalam Laporan Ekonomi 1981/1982 Kementerian Kewangan yang akan dikeluarkan serentak dengan Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan pada 23hb Oktober ini.

RAPAT UMUM—PENGHARAMAN

12. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan membatalkan pengharaman yang dikenakan ke atas rapat umum untuk membuktikan Kerajaan benar-benar mengamalkan prinsip demokrasi berparlimen.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Jawapan kepada soalan ini telahpun dikemukakan dan disoal jawab dengan panjang lebar dalam Dewan ini pada 14-10-1981. Oleh itu, saya tidaklah bercadang lagi untuk membuat apa-apa tambahan.

JAMBATAN PULAU PINANG— PERHUBUNGAN

13. Tuan Wong Hong Keat minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan tentang perhubungan Jambatan Pulau Pinang seperti berikut:

- (a) tarikh permulaan projek ini;
- (b) tarikh penyelesaiannya;
- (c) bilangan tawaran tender dari luar negeri dan tempatan yang telah diterima;
- (d) Ongkos projek ini;
- (e) Pengutipan pendapatan tahunan yang dijangka akan diperolehi; dan
- (f) Ongkos penjagaan jambatan yang dijangka setiap tahun.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu):

- (a) Tarikh permulaan projek ini ialah bulan Januari 1980 apabila kerja-kerja "reclamation works for Penang Island Interchange" telahpun dimulakan.
- (b) Tarikh penyelesaian projek ini dijangka pada akhir tahun 1984.
- (c) Projek pembinaan jambatan Pulau Pinang ini dibahagikan kepada 9 bahagian atau "package" untuk menyenangkan pembinaannya. Setakat ini, 5 daripada sejumlah 9 "package" itu telahpun ditawarkan. Untuk Package 1—iaitu "Reclamation Works for Penang Island Interchange"—sejumlah 9 tawaran tender telah diterima yang mana 1 adalah dari syarikat pemborong tempatan dan 8 adalah dari syarikat pemborong luar negeri. Untuk Package 2—iaitu "Prai Reclamation Works"—sejumlah 8 tawaran tender telah diterima dan semuanya adalah dari syarikat pemborong tempatan. Untuk Package 3—iaitu "Middle Bank dan Penang Island Interchange"; Package 4—iaitu "Prai Shore Approach" dan Package 5—iaitu "South Channel Bridge"—sejumlah 16 tawaran tender telahpun diterima dan semuanya adalah dari syarikat pemborong luar negeri.
- (d) Anggaran perbelanjaan untuk membina Jambatan bagi Package 1 hingga 9 (berdasarkan harga 1981) adalah sebanyak \$695.8 juta.
- (e) Anggaran kutipan pendapatan tahunan belum dapat dibuat kerana Kerajaan belum lagi menetapkan kadar tol yang akan dikutip dari pengguna-pengguna Jambatan Pulau Pinang itu.
- (f) Perbelanjaan penyelenggaraan Jambatan itu untuk setahun adalah dianggarkan sebanyak \$223,000 (berdasarkan harga 1981).

**PERKHIDMATAN TENTERA/POLIS—
PERMOHONAN**

14. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan bilangan permohonan-permohonan yang diterima dari rakyat

Malaysia untuk memasuki perkhidmatan tentera dan polis dalam tahun 1978, 1979, 1980 dan 1981, berapa kalikah iklan-iklan tersebut telah disiarkan di akhbar-akhbar (Bahasa Malaysia, Cina dan Inggeris) dan nyatakan komposisi kaum bagi mereka yang berjaya dan yang tidak berjaya.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum sesuatu pengambilan bagi anggota baru dalam tentera dan polis dibuat iklan-iklan akan dikeluarkan dalam akhbar-akhbar yang terbesar. Bagi pengambilan dalam anggota tentera iklan-iklan akan dikeluarkan tidak kurang 10 kali dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Iklan ini tidak dikeluarkan dalam akhbar Cina dan Tamil oleh kerana akhbar Bahasa Malaysia dan Inggeris adalah akhbar yang boleh dibaca oleh setiap orang rakyat Malaysia. Sementara bagi pengambilan anggota baru dalam pasukan Polis iklan dikeluarkan 2 kali pada tiap-tiap kali pengambilan baru dalam akhbar-akhbar tempatan.

Daripada jumlah 13,021 permohonan untuk menjadi rekrut angkatan tentera dalam tahun 1978 hanya 35 permohonan sahaja daripada kaum Cina berbanding dengan 12,286 permohonan daripada orang Melayu dan 700 daripada lain-lain bangsa yang termasuk juga orang-orang India, Sik, Iban dan Serani. Daripada jumlah 13,021 itu seramai 7,481 permohonan daripada kaum Melayu yang berjaya, 13 daripada kaum Cina dan 623 daripada lain-lain bangsa dan menjadikan jumlah yang berjaya adalah sebanyak 8,117. Dalam tahun yang sama, permohonan untuk menjadi Pegawai Kedet dalam angkatan tentera adalah berjumlah sebanyak 9,981 yang terdiri daripada 3,751 Melayu, 512 Cina dan 718 lain-lain bangsa. Jumlah yang berjaya adalah sebanyak 585 orang yang terdiri daripada 520 Melayu, 28 Cina dan 37 lain-lain bangsa.

Bagi tahun 1979 pula permohonan untuk menjadi rekrut angkatan tentera adalah berjumlah 17,108 yang terdiri daripada 16,008 Melayu, 170 Cina dan 930 lain-lain bangsa. Jumlah yang telah berjaya adalah sebanyak 10,624 yang terdiri daripada 9,220 Melayu, 139 Cina dan 665 lain-lain bangsa. Bagi permohonan untuk menjadi Pegawai

Kedet pula adalah berjumlah 8,382 permohonan yang terdiri daripada 7,834 Melayu, 283 Cina, 265 lain-lain bangsa. Jumlah yang berjaya adalah sebanyak 519 yang terdiri daripada 479 Melayu, 22 Cina dan 18 lain-lain bangsa.

Pada tahun 1980 jumlah permohonan bagi rekrut angkatan tentera adalah sebanyak 25,046 yang terdiri daripada 24,031 Melayu, 110 Cina dan 905 lain-lain bangsa. Jumlah yang berjaya sebanyak 13,609 yang terdiri daripada 12,721 Melayu, 65 Cina dan 823 lain-lain bangsa. Sementara permohonan bagi Pegawai Kedet adalah sebanyak 11,504 yang terdiri daripada 10,181 Melayu, 610 Cina, 713 lain-lain bangsa. Jumlah yang berjaya adalah sebanyak 1001 yang terdiri daripada 923 Melayu, 33 Cina dan 45 lain-lain bangsa.

Bagi tahun 1981 permohonan untuk rekrut anggota tentera adalah berjumlah 19,940 yang terdiri daripada tentera adalah berjumlah 19,940 yang terdiri daripada 19,207 Melayu, 83 Cina dan 650 lain-lain bangsa, jumlah yang berjaya adalah sebanyak 8,125 yang terdiri daripada 7,526 Melayu, 35 Cina dan 564 lain-lain bangsa. Permohonan bagi Pegawai Kedet adalah berjumlah 9,735 yang terdiri daripada 8,919 Melayu, 425 Cina dan 391 lain-lain bangsa. Jumlah yang berjaya adalah 656 yang terdiri daripada 593 Melayu, 33 Cina dan 30 lain-lain bangsa.

Bagi pengambilan pasukan Polis pula pada tahun 1978 permohonan bagi peringkat konstabel adalah berjumlah sebanyak 14,664 yang terdiri daripada 12,108 Melayu, 708 Cina, 975 India dan 873 lain-lain bangsa. Sementara jumlah yang berjaya adalah sebanyak 4,268 yang terdiri daripada 3,588 Melayu, 223 Cina, 255 India dan 202 lain-lain bangsa. Bagi pengambilan di peringkat Inspektor Percubaan jumlah permohonan adalah sebanyak 9,362 yang terdiri daripada 7,005 Melayu, 1,369 Cina, 561 India dan 427 lain-lain bangsa. Jumlah yang berjaya adalah sebanyak 1,155 yang terdiri daripada 824 Melayu, 186 Cina, 97 India dan 48 lain-lain bangsa.

Dalam tahun 1979 jumlah permohonan bagi peringkat konstabel adalah sebanyak 17,825 yang terdiri daripada 15,300 Melayu,

577 Cina, 1,104 India dan 844 lain-lain bangsa. Jumlah yang berjaya adalah sebanyak 6,004 yang terdiri daripada 5,174 Melayu, 251 Cina, 343 India dan 236 lain-lain bangsa. Bagi tahun 1979 tidak ada pengambilan dibuat bagi peringkat Inspektor Percubaan dan Kedet Penolong Penguasa Polis.

Pada tahun 1980 jumlah permohonan di peringkat Konstabel adalah sebanyak 29,649 yang terdiri daripada 25,496 Melayu, 1,558 Cina, 1,313 India dan 1,282 lain-lain bangsa. Jumlah yang berjaya adalah sebanyak 7,670 yang terdiri daripada 6,563 Melayu, 396 Cina, 439 India dan 272 lain-lain bangsa. Bagi pengambilan di peringkat Inspektor Percubaan pula sebanyak 6,736 permohonan bagi tahun ini yang terdiri daripada 5,321 Melayu, 1,036 Cina, 180 India dan 199 lain-lain bangsa dan jumlah yang berjaya adalah sebanyak 44 yang terdiri daripada 25 Melayu, 13 Cina, 3 India dan 3 lain-lain bangsa. Sementara pengambilan di peringkat Kedet Penolong Penguasa Polis pula adalah sebanyak 284 permohonan yang terdiri daripada 150 Melayu, 88 Cina, 42 India dan 4 lain-lain bangsa dan jumlah yang berjaya adalah sebanyak 31 yang terdiri daripada 17 Melayu, 10 Cina, 3 India dan 1 lain-lain bangsa.

Pada tahun 1981 pengambilan di peringkat Konstabel yang dibuat hingga bulan Jun, jumlah permohonan adalah sebanyak 12,985 yang terdiri daripada 10,714 Melayu, 457 Cina, 847 India dan 967 lain-lain bangsa. Jumlah yang berjaya adalah sebanyak 6,009 yang terdiri daripada 5,052 Melayu, 213 Cina, 390 India dan 354 lain-lain bangsa. Pada tahun ini tidak ada pengambilan pada peringkat Inspektor percubaan dan juga Kedet Penolong Penguasa Polis.

Walaupun iklan-iklan telah banyak dikeluarkan tetapi sambutan adalah berbeza daripada kaum-kaum tertentu.

Daripada perangkaan-perangkaan itu, adalah didapati bahawa sambutan orang Melayu terhadap angkatan tentera dan polis adalah sangat membanggakan. Permohonan daripada orang Melayu setiap tahun adalah lebih daripada 90% disemua peringkat angkatan tentera. Sebaliknya sambutan

daripada kaum Cina adalah mengecewakan dengan kadar kurang daripada 1% di peringkat rekrut angkatan tentera dan kurang daripada 5% di peringkat pegawai kedet.

Mengenai permohonan ke dalam pasukan polis, sambutan yang diberikan oleh kaum Cina adalah juga mengecewakan iaitu kurang daripada 5% daripada jumlah permohonan setiap tahun di peringkat konstabel berbanding dengan 85% daripada permohonan-permohonan adalah terdiri daripada orang Melayu.

PERKHIDMATAN NEGARA (NATIONAL SERVICE)

15. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau bercadang akan menimbang semula untuk mengadakan Perkhidmatan Negara supaya rakyat jelata akan diwajibkan untuk berbakti kepada negara demi kepentingan, keutuhan, kedaulatan serta perpaduan negara.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini sudah beberapa kali dijawab dan dibincangkan di Dewan yang mulia ini semasa persidangan-persidangan yang lepas, dan ianya bukanlah merupakan satu isu yang baru.

Walau bagaimanapun, di sini saya nyatakan sekali lagi bahawa pendirian Kerajaan dalam hal ini adalah tidak berubah, iaitu sebagaimana telah ditegaskan di masa-masa yang lalu, Perkhidmatan Negara atau 'National Service' masih tidak perlu dan belum sesuai lagi untuk diamalkan di negara ini. Saya sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa keadaan keselamatan di seluruh negara dan di sekitar rantau ini. Berasaskan kepada kajian ini saya percaya, Angkatan Tentera kita mempunyai kemampuan bukan saja dari segi kelengkapan pertahanan bahkan juga dari segi kekuatan anggota dan latihan untuk menjaga keselamatan, kedaulatan dan keutuhan negara kita tanpa melibatkan kerahan tenaga dari rakyat seluruhnya.

Saya berpendapat di dalam soal tenaga untuk pertahanan negara ini sistem yang kita

amalkan sekarang ini adalah baik, iaitu dengan mengambil (rekrut) warganegara yang sudah bersedia dan yang benar-benar sanggup untuk menjalankan tugas dalam soal pertahanan sebagai anggota tentera sama ada anggota tentera tetap atau sukarela. Kita sedar sepenuhnya bahawa tugas pertahanan negara ini bukanlah semata-mata tanggungjawab pasukan keselamatan bahkan penglibatan rakyat seluruhnya adalah penting.

Struktur Tentera Sukarela yang dibina berasaskan atau pertimbangan bahawa rakyat boleh menyumbangkan tenaga di dalam soal pertahanan negara dengan secara sukarela. Sistem perkhidmatan sukarela adalah satu sistem yang terbaik untuk memupuk perasaan cinta kepada tanah air dan semangat tanggungjawab serta rela berkorban di kalangan kedaulatan negara.

Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa apabila diperlukan kelak rakyat yang mempunyai semangat kebangsaan yang tinggi akan terus tampil kemuka untuk menyumbang tenaga mereka, tanpa apa-apa paksaan.

KENDERAAN KERAJAAN— MENYALAHGUNAKAN

16. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak pegawai-pegawai Kerajaan termasuk pegawai tentera menggunakan kenderaan Kerajaan untuk ke pasar, membawa anak-anak mereka ke sekolah dan lain-lainnya. Jika sedar, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menghalang penyalahguna tersebut.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan tidak sedar terdapat pegawai-pegawai Kerajaan yang telah menyalahgunakan kenderaan Kerajaan untuk ke pasar, membawa anak-anak mereka ke sekolah dan lain-lain. Kenderaan Kerajaan hendaklah digunakan untuk tujuan rasmi sahaja. Peraturan-peraturan mengenai penjagaan dan penggunaan kenderaan Kerajaan ini ada disebutkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980. Mereka yang didapati menyalahgunakan kenderaan Kerajaan itu boleh diambil tindakan

tatatertib sehingga dibuang kerja, mengikut Perintah-perintah Am (Kelakuan dan Tatatertib Bab 'D' 1980).

Namun begitu untuk makluman Yang Berhormat, mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1981, pegawai-pegawai Kerajaan di dalam Tingkatan Tertinggi 'A' 'B' dan 'C' adalah diperuntukkan dengan kereta-kereta khas untuk kegunaan mereka bagi urusan rasmi dan persendirian. Tetapi mereka adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan dan kegunaan kereta itu.

Berhubung dengan penggunaan kenderaan Kerajaan oleh isteri dan anak-anak tentera, suka saya menjelaskan bahawa isteri-isteri tentera adalah dibenarkan menggunakan kenderaan tentera untuk tujuan-tujuan berikut:

- (i) membuat lawatan kebajikan ke hospital semasa anggota atau keluarga sakit;
- (ii) membuat lawatan kebajikan ke rumah-rumah anggota (terutama semasa suami bertugas di kawasan operasi atau seberang laut); dan
- (iii) juga ketika melaksanakan aktiviti-aktiviti Badan Kebajikan Isteri Anggota Tentera (BAKAT). Aktiviti-aktiviti mereka meliputi belajar menjahit, mengubah bunga, masak memasak, kesenian, syarahan-syarahan ugama dan lain-lain lagi.

Di dalam pelaksanaan tugas ini ada kemungkinan kenderaan tentera digunakan ke pasar ataupun ke bandar untuk mendapatkan bahan-bahan yang di perlukan.

Pada masa ini anak-anak anggota tentera adalah diberi kemudahan kenderaan dengan menggunakan kenderaan tentera dengan percuma sekiranya mereka ditempatkan di kem-kem yang tidak ada kemudahan kenderaan awam untuk membawa mereka ke sekolah. Kemudahan-kemudahan ini juga diberi di dalam keadaan biasa sekiranya ada kenderaan pentadbiran yang dapat menguruskannya dan pada pendapat Pegawai Memerintah tugas tersebut tidak mengganggu keperluan operasi. Bayaran adalah dikenakan di unit-unit atau di tempat-tempat

yang ada kemudahan-kemudahan awam sekiranya ingin menggunakan kenderaan tentera dengan syarat diluluskan oleh Pegawai Memerintah dan tidak mengganggu keperluan operasi.

Langkah-langkah untuk mengelakkan penyalahgunaan kenderaan sentiasa diambil seperti mengadakan pemeriksaan oleh Anggota-anggota Polis Tentera dan menerima aduan yang diterima dari orang-orang awam. Tindakan tatatertib seterusnya akan diambil.

PENGALIRAN WANG KE LUAR NEGERI

17. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan memberi angka-angka mengenai amaun wang dihantar ke luar negeri seperti:

- (a) amaun wang yang dibelanja oleh rakyat Malaysia untuk pelajar anak-anak mereka di luar negeri; dan
- (b) amaun wang yang dibelanjakan untuk membeli aset-aset bentuk sekuriti, perdagangan, rumah dan pertanian dan sama ada pengaliran keluar wang menunjukkan satu tambahan besar sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sistem kawalan pertukaran yang liberal di Malaysia membenarkan pengaliran masuk dan keluar wang dengan bebas. Oleh itu, adalah tidak mungkin untuk menentukan dengan tepat jumlah pengaliran keluar wang terutamanya untuk pelajaran oleh rakyat Malaysia di luar negeri atau untuk pembelian jenis-jenis aset yang tertentu di luar negeri. Sebagai contoh pembayaran untuk pembelian sekuriti-sekuriti di luar negeri lebih mencerminkan satu pusingan perdagangan yang aktif dari kenaikan pengaliran keluar dan oleh kerana warganegara asing juga boleh membeli sekuriti-sekuriti di Malaysia, pengaliran keluar ini dapat diseimbangkan. Sejumlah besar penambahan dalam pembayaran daripada Malaysia ialah untuk import, dan ini mencerminkan kenaikan dalam pembelian aset-aset modal untuk meningkatkan pembangunan dan daya pengeluaran dan juga kenaikan perbelanjaan pengguna akibat kenaikan pendapatan purata.

PEGAWAI LEWAT KE PEJABAT

18. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar banyak pegawai-pegawai Kerajaan masih datang lewat ke pejabat jika ya, pegawai-pegawai dari Kementerian/Jabatan mana yang terlibat dalam amalan yang kurang sihat ini.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Perbuatan datang lewat ke pejabat oleh pegawai-pegawai Kerajaan itu memang disedari dan kerana itulah sistem Kad Perakam (Punch Card) telah mula digunakan.

Tentang agensi mana yang pegawai-pegawainya selalu datang lambat adalah susah hendak ditentukan kerana hanya sebilangan kecil yang terlibat dalam perbuatan begitu. Kejadian begitu juga bukan berlaku secara terus menerus oleh pegawai-pegawai atau kakitangan yang sama. Keadaannya berubah dari masa ke semasa mengikut ketat tidaknya sistem pengawasan yang digunakan.

Sebab-sebab lewat datang itu adalah banyak dan kerana itulah kawalan terhadap perbuatan begini sedang diperketatkan. Sebaik masalah-masalah penggunaan sistem tersebut akan dikenakan secara meluas dan pegawai-pegawai yang datang lewat sudah tentu akan menghadapi tindakan yang tegas.

PERMOHONAN KERAKYATAN BORANG 'G'

19. Tuan V. David minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau akan mengambil tindakan sewajarnya untuk memberikan kerakyatan kepada permohonan-permohonan yang telah tergantung selama beberapa tahun di bawah borang 'G' atau sebaliknya.

Permohonan oleh kaum Cina kira-kira 700,000;

Permohonan oleh kaum India kira-kira 150,000.

Dato' Musa Hitam: Kerajaan adalah sentiasa menimbang dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kesemua jenis permohonan kewarganegaraan yang diterima termasuk permohonan yang menggunakan Borang 'G'. Tiap-tiap permohonan perlu

dikaji dengan teliti bagi menentukan yang pemohon-pemohon memenuhi kelayakan-kelayakan sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan. Oleh itu masa yang diambil untuk memproses sesuatu permohonan tidaklah lebih dari tempoh yang diperlukan.

Jumlah kesemua jenis permohonan mengikut kaum yang masih dalam proses sehingga 30.9.1981 adalah hanya sebanyak 23,151. Oleh itu dakwaan mengenai bilangan permohonan kewarganegaraan dari kaum Cina dan India sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar.

LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI—MENUNAIKAN FARDHU HAJI

20. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar masih terdapat bakal-bakal Haji tidak mahu pergi ke Mekah melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji; jika sedar:

- (a) berapa ramai pada tahun ini bakal-bakal Haji yang dapat menunaikan fardhu Haji tanpa melalui Lembaga Tabung Haji, dan
- (b) apakah tindakan Lembaga Urusan Tabung Haji terhadap mereka yang mengumpul bakal-bakal Haji untuk dibawa ke Mekah tanpa melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Menteri Tak Berportfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Saya sedar masih terdapat bakal-bakal Haji yang tidak mahu pergi ke Mekah melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Walau bagaimanapun, jumlah sebenar bilangan bakal Haji yang menunaikan Fardhu Haji dengan tidak melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak dapat diketahui dengan tepat oleh kerana tidak ada rekod mengenai mereka tetapi jumlahnya tidaklah banyak. Satu kajian yang lebih berkesan dan menyeluruh akan dijalankan bagi mengelak kejadian ini berlaku secara berterusan di masa yang akan datang selain penggunaan Undang-undang yang ada.

Mengikut Seksyen 67A dan 47B Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan) 1973, tiada seseorang atau sesuatu kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak

boleh menjalankan atau membuat urusan mengatur perjalanan udara bagi orang Malaysia untuk menguruskan mereka menunaikan fardu Haji tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Sesiapa yang melanggar undang-undang ini adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada \$10,000.00 atau penjara selama tidak lebih daripada 1 tahun atau kedua-duanya sekali.

ANAK SYARIKAT PKEN MENGALAMI KERUGIAN

21. Dato' Haji Yusoff bin Malim Kuning minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau sedar setengah anak-anak Syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri telah pun mengalami kerugian dan menutup perusahaannya sebelum lawatan mengejut Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dilakukan, dan jika sedar, apakah tempoh enam bulan yang diberikan itu, boleh menampung kerugian yang dialami bertahun-tahun lamanya.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Yang Berhormat dari Panti tentu sudah sedia maklum memang menjadi kebiasaan dalam dunia perniagaan untuk menutup sesuatu syarikat yang mengalami kerugian dan tidak mempunyai masa hadapan lagi. Oleh itu bukanlah menjadi perkara luar biasa bagi PKEN-PKEN bertindak menutup anak-anak syarikat masing-masing setelah mengalami kerugian dan diteliti prestasi masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Panti tersebut, PKEN-PKEN di bawah Kementerian Perusahaan Awam telah meneliti dan mendapati beberapa buah anak-anak syarikat masing-masing mengalami kerugian dan tidak boleh dipulihkan. Oleh itu untuk mengelakkan kerugian berterusan, PKEN-PKEN berkenaan telah menutup atau dalam proses menutup sebanyak 41 buah anak syarikat yang tersebut itu. Menyentuh perkara kedua yang disebut oleh Yang Berhormat dari Panti itu bukanlah tujuan Kerajaan memberi tempoh enam bulan kepada anak-anak syarikat yang mengalami kerugian untuk menampung segala kerugian

yang mereka alami. Yang Berhormat tentu setuju tempoh enam bulan adalah mustahil bagi sesebuah syarikat menghapuskan segala kerugian terkumpul yang dialami. Apa yang dimaksudkan ialah tempoh selama enam bulan tersebut adalah sebagai panduan kepada anak syarikat PKEN supaya memperbaiki prestasi operasi masing-masing iaitu daripada mengalami kerugian kepada membuat keuntungan.

LOMBONG BIJIH TIMAH DI DUSUN NYIOR

22. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar kegiatan perlombongan bijih timah di Dusun Nyior, Seremban, telah menyebabkan kematian seorang dan keretakan-keretakan struktural yang serius menimpa rumah-rumah kos rendah Kerajaan yang berhampiran, sebab-sebab mengapa kebenaran diberi untuk menjalankan kerja-kerja perlombongan di satu kawasan kecil yang padat dengan penduduk dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kematian-kematian yang diakibatkan oleh kegiatan-kegiatan perlombongan yang tidak bertanggungjawab.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Penyiasatan yang telah dijalankan oleh Jabatan Galian dan Jabatan Penyiasatan Kajibumi menunjukkan bahawa lombong bijih timah di Dusun Nyior yang sedalam hanya 23 kaki dan terletak lebihkurang 450 kaki dari rumah-rumah kos rendah tidak menyebabkan keretakan di dinding rumah-rumah tersebut. Operasi melombong adalah dijalankan di kawasan tanah jenis yang kukuh. Keretakan struktural itu sebenarnya berlaku kepada rumah-rumah tambahan yang dibina atas asas tapak yang tidak disediakan dengan betul terutama sekali memandangkan tapak itu ialah bekas lombong kapal korek sebelum Perang Dunia Kedua dahulu.

Kematian seorang kanak-kanak berumur 7 tahun adalah akibat kanak-kanak tersebut memasuki kawasan lombong dan terjatuh ke dalam kolam air lombong. Kematian ini bukanlah satu kematian akibat sesuatu kejadian dari operasi melombong seperti tanah runtuh.

Sebagai Kementerian yang bertanggung-jawab ke atas keselamatan operasi melombong, apabila sesuatu kelulusan diberi oleh Kerajaan Negeri untuk kerja-kerja melombong, Kementerian saya sentiasa mengawal aktiviti-aktiviti perlombongan dan akan terus mengawal semua kegiatan perlombongan untuk menentukan kegiatannya adalah mematuhi keperluan-keperluan keselamatan yang ditetapkan oleh undang-undang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, lombong tersebut telah ditutup buat sementara bagi membolehkan Jabatan Galian menjalankan penyiasatan lebih lanjut mengenai keselamatan lombong tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG IBU KOTA PERSEKUTUAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (20hb Oktober, 1981)

Tuan Yang di-Pertua: Perbahasan di atas Rang Undang-undang iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 sekarang disambung untuk perbahasan. Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru.

3.37 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong pindaan kepada Akta Ibu Kota Persekutuan 1960.

Tujuan pindaan ini adalah semata-mata untuk memperkemarkan jentera pentadbiran di Bandaraya negara yang menjadi nadi dan jantung negara iaitu di satu tempat yang menjadi simbul ataupun mencerminkan negara Malaysia iaitu untuk memperkemarkan jentera di mana segala-galanya yang terjadi di seluruh negara bermula. Maka oleh sebab itu saya rasa kalaulah keadaan di Ibu Kota kita, di

Bandaraya kita efficient maka sudah tentulah di mana-mana sahaja di tempat-tempat lain akan mengikuti cara-cara yang terdapat di Ibu Kota sekarang ini. Kalaulah misalnya keadaan lalulintas di Ibu Kota kita begitu efficient dan teratur maka sudah tentu ini akan mencerminkan kepada seluruh pelawat sama ada dari dalam negeri ataupun dari luar negeri bahawasanya Malaysia adalah merupakan suatu tempat di mana keadaan lalulintasnya efficient dan teratur. Kalaulah sistem telefon misalnya efficient dan juga licin maka sudah tentulah ini juga akan memberi gambaran kepada semua yang berkenaan, semua pelawat sama ada dari dalam negeri atau luar negeri bahawasanya Malaysia telah pun mencapai kejayaan dalam bidang hubungan telefon.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah Bandaraya Ibu Kota kita seipdah taman maka sudah tentulah ini juga akan memberi satu gambaran bahawa kita ini di seluruh Malaysia merupakan satu negara yang begitu berhijauan dan sebagainya. Oleh itu soal pentadbiran di ibu negara di Ibu Kota Persekutuan adalah satu soal yang terlalu penting. Maka oleh sebab itu saya rasa pindaan yang dibuat ini adalah kena pada tempat dan masanya, cuma saya rasa agak bimbang sedikit kerana pada masa-masa kebelakangan ini telah pun terdapat sedikit kekeliruan mengenai hierarchy kuasa yang terdapat di Ibu Kota Persekutuan iaitu sebagaimana yang kita tahu kawasan yang ditadbirkan oleh Dewan Bandaraya dan juga kawasan yang dinamakan Wilayah Persekutuan bukanlah ada beza sangat. Oleh sebab itu kita terdapat pula dua kuasa yang begitu besar iaitu Dewan Bandaraya dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan di tempat yang sama.

Saya rasa bimbang bahawa kemungkinan kita akan terdapat pada suatu hari nanti wujudnya overlapping ataupun kekeliruan mengenai kuasa dalam Wilayah Persekutuan ataupun di Ibu Kota Persekutuan ini. Kadangkala kita terfikir, banyak juga yang terfikir di mana hendak ditujukan jika kita terpaksa menghadapi sesuatu masalah di Ibu Kota ini, sama ada ke Kementerian Wilayah Persekutuan ataupun ke Dewan Bandaraya. Dan saya rasa kalau keadaan ini tidak difikirkan awal-awal lagi maka pada satu

masa nanti sudah tentu ia akan membawa kepada satu keadaan kekeliruan kuasa yang *mungkin merbahaya*. *Mungkin kita akan terdapat satu persaingan kuasa di antara Kementerian dan juga Dewan Bandaraya*. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soal kuasa di tempat yang kecil yang dinamakan Wilayah Persekutuan ataupun juga di Bandaraya Kuala Lumpur, haruslah diperbetulkan dari awal-awal lagi.

Misalnya, saya rasa sudah sampai masanya kita berfikir sama ada memadaikah supaya bandaraya Ibu Kota ataupun Wilayah Persekutuan ini ditadbirkan oleh Kementerian sendiri ataupun sudah sampai masanya kita berfikir sama ada kita jangan langsung mewujudkan Kementerian Wilayah Persekutuan, tetapi memadaikah Wilayah Persekutuan ini ataupun Ibu Kota ini ditadbirkan oleh Dewan Bandaraya sahaja. Oleh sebab saya rasa kedua-dua kawasan ini iaitu Dewan Bandaraya sendiri dan juga Wilayah Persekutuan tidaklah berbeza sangat mengenai kawasannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya bersetujulah tentang kebijaksanaan Kerajaan meminda Perlembagaan dan membuat aturan peraturan supaya pentadbiran di Ibu Kota Persekutuan ini akan mencerminkan atau dikawal oleh parti yang memerintah dalam negara ini. Misalnya kalau kita adakan pemilihan yang bebas mengenai pemerintahan di Ibu Kota Persekutuan ini akan membawa kepada bahaya-bahaya yang amat sangat. Misalnya, kalaulah rakyat di Ibu kota memilih satu parti yang bertentangan dengan parti yang memerintah Malaysia, maka sudah tentu ini akan membawa kepada berbagai-bagai persaingan yang akan membawa bahaya kepada semua pihak. Jadi saya rasa kebijaksanaan ini memanglah amat sangat di atas keputusan Kerajaan meminda Perlembagaan dan juga membuat peraturan-peraturan supaya Ibu Kota Persekutuan ini akan ditadbirkan oleh orang-orang yang dilantik oleh Kerajaan yang memerintah negara kita.

Cuma saya rasa lebih molekul lagi kalau kita memansuhkan sahaja jawatan Datuk Bandar itu dan biarlah Wilayah Persekutuan ataupun Ibu Kota Persekutuan ini

ditadbirkan terus menerus oleh Kementerian Wilayah Persekutuan, sebab kita di Kementerian ini mempunyai seorang Menteri dan juga Timbalan Menteri, kakitangan yang cukup, sedangkan kawasan yang hendak ditadbirkan adalah begitu kecil hanya lebih kurang 94 batu persegi. Oleh sebab kawasan itu begitu kecil jika kita mempunyai banyak sangat persaingan kuasa maka sudah tentu ini akan menimbulkan berbagai-bagai perkara yang tidak sihat nanti.

Saya sudah pun terdengar beberapa kisah di mana sudah pun ada persaingan kuasa di antara Kementerian dan juga Dewan Bandaraya. Oleh sebab itu saya sudah sampailah masa dan ketikanya untuk pihak Kerajaan Malaysia memikirkan tentang memperbetulkan dan memperkemas soal siapakah yang sebenarnya berkuasa untuk mentadbirkan Ibu Kota Persekutuan ini dan pada pandangan saya, seelok-eloknya biarlah kita mansuhkan sahaja Datuk Bandar ini dan biarlah terus menerus Ibu Kota kita ini yang tidak begitu berbeza dengan Wilayah Persekutuan ditadbirkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.

Dengan pandangan yang singkat ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960 ini yang saya berharap merupakan suatu pindaan untuk menyesuaikan keadaan dari segi jangka pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi.

3.45 ptg.

Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyokong Rang Undang-undang Ibu Kota Persekutuan (Pindaan) 1981 ini yang bertujuan untuk membolehkan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil-alih tugas Datuk Bandar semasa jawatan Datuk Bandar itu dikosongkan buat sementara waktu. Wilayah Persekutuan merupakan satu pusat politik, ekonomi, kebudayaan, pentadbiran dan pelajaran yang penting di negara kita ini.

Sebagai Ibu Kota Wilayah Persekutuan mempunyai bilangan penduduk yang terbanyak sekali berbanding dengan

bandaraya yang lain, dengan sebab itu terdapat banyak masalah-masalah yang wujud di Bandaraya Kuala Lumpur. Penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan sangat mengharapkan sebuah pentadbiran yang cekap, adil dan bersih untuk memberi perkhidmatan kepada mereka. Mereka juga mengharapkan Dewan Bandaraya dapat menyelesaikan berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh rakyat berbilang kaum secara adil.

Sungguh malang, perkhidmatan yang diberikan sekarang oleh Dewan Bandaraya adalah tidak begitu memuaskan. Ia sangat jauh ketinggalan dari memenuhi keperluan-keperluan rakyat jelata. Sejak kemerdekaan negara kita 24 tahun ini, Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri adalah dipilih oleh rakyat jelata. Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dipilih dalam pilihanraya umum dari masa ke semasa untuk menguruskan hal ehwal negara dan negeri masing-masing. Akan tetapi Ibu Kota kita tidak mempunyai seorang Datuk Bandar dan Ahli-ahli Dewan Bandaraya yang dipilih oleh rakyat. Mereka ini semuanya adalah dilantik oleh parti pemerintah. Ini jelas melanggar prinsip dan semangat demokrasi terutama sekali demokrasi kebawahan atau grassroots democracy Datuk Bandar dan Ahli-ahli Dewan Bandaraya yang dilantik oleh Kerajaan tidak akan dapat memahami cita-cita, aspirasi-aspirasi dan kehendak-kehendak rakyat jelata dan disebabkan mereka ini adalah kesemuanya dilantik dan bukan dipilih maka mereka tidaklah bertanggungjawab secara langsung kepada rakyat dan ketaatsetian mereka adalah semata-mata kepada parti yang memerintah.

Hampir semua Ibu Kota negara di seluruh dunia mempunyai seorang Datuk Bandar dan Ahli-ahli Majlis Bandaraya yang dipilih oleh rakyat, hanya Wilayah Persekutuan sahajalah yang tidak mengamalkan praktik ini dan ini adalah tidak adil sama sekali kepada penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan, kerana hak mereka untuk memilih seorang Datuk Bandar dan Ahli-ahli Bandaraya telah dihapuskan secara sewenang-wenang oleh Kerajaan. Segala hak-hak berkaitan dengan dasar dan pentadbiran yang dilaksanakan oleh

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan sepatutnya dikosong dan didokong oleh ahli-ahli bandaraya yang dipilih, kerana mereka sahajalah tahu dan fahami benar-benar apa yang diperlukan oleh rakyat jelata.

Tuan Speaker, sementara saya menyokong Rang Undang-undang ini, saya juga ingin mengesyorkan kepada Kerajaan agar mengadakan seorang Datuk Bandar dan Ahli Bandaraya yang dipilih sejajar dan selari dengan semangat demokrasi.

Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh satu perkara yang telah menimbulkan syak wasangka di khalayak rakyat, iaitu berkenaan persaraan Tan Sri Abdul Latif bin Yaacob sebagai Datuk Bandar secara tiba-tiba. Rakyat tertanya-tanya sama ada jawatan Datuk Bandar akan dihapuskan atau tidak, dan di sini ingin saya menyeru Kerajaan mengumumkan keputusannya mengenai perkara ini iaitu sama ada jawatan Dato Bandar akan terus kekal atau akan dimansuhkan sama sekali.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengesyorkan supaya Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan pegawai-pegawainya termasuk pegawai-pegawai Dewan Bandaraya akan memberi segala kerjasama dan pertolongan kepada semua Ahli Parlimen yang terdapat di Wilayah Persekutuan dalam menghadapi masalah-masalah yang timbul di Wilayah Persekutuan dan di samping itu ingin juga saya katakan di sini bahawa sebarang dasar yang dirangka hendaklah adil dan saksama dan hendaklah memperhitungkan komposisi pelbagai kaum Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

3.53 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyokong Rang Undang-undang Ibu Kota Persekutuan (Pindaan) yang telah dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini untuk memberi kuasa kepada Menteri Wilayah Persekutuan

melantik seseorang pegawai atau Ketua Setiausaha Kementerian menggantikan jawatan Datuk Bandar apabila jawatan itu kosong.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga di sini ingin memberi satu pandangan berkenaan konsep pentadbiran Ibu Kota kita pada masa sekarang. Pada ingatan saya sampailah sudah masanya kita mengkaji semula konsep kita terhadap Ibu Kota kita.

Pada masa dahulu Kuala Lumpur ialah satu Municipality yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran untuk sekumpulan penduduk dan penduduk-penduduk di Municipality itu tidak begitu aktif di dalam bidang commerce atau perindustrian. Tetapi masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, status Kuala Lumpur telah berubah sebagai di dalam kalangan fizikal sebagai satu Wilayah Persekutuan di dalam bidang commerce. Kuala Lumpur sudah jadi satu centre di mana international commerce begitu aktif di dalam kawasan ini. Oleh kerana itu masalah-masalah perkhidmatan seperti perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan transportation, telefon, perkhidmatan perumahan, pelajaran dan lain-lain telah pun menjadi masalah.

Saya ingin mencadangkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, haruslah Kerajaan sekarang mengkaji apakah masalah masa depan Ibu Kota ini. Adakah Kerajaan ingin mengadakan satu Ibu Kota yang memainkan dua peranan (dual role) iaitu sebagai satu tempat di mana kita mentadbirkan seluruh negara kita dan juga sebagai satu tempat atau sebagai commercial centre untuk negara kita juga. Pada pendapat saya jikalau kita ingin hendak mengadakan satu Federal Capital yang memainkan dua peranan yang terbesar ini, barangkali kita harus mengkaji semula pentadbiran Ibu Kota ini oleh kerana pegawai-pegawai baikpun di dalam Kementerian Wilayah Persekutuan atau di dalam Bandaraya sekarang yang mendapat latihan ialah mereka yang berminat sahaja dan mempunyai experience sebagai pegawai-pegawai pentadbir untuk menguruskan dan memberi services atau perkhidmatan kepada penduduk sahaja. Tetapi jikalau kita ingin Kuala Lumpur menjadi satu centre untuk commerce, saya ingatkan kita harus mengadakan lagi satu jabatan khas untuk

meneruskan kerja ini dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk memajukan lagi tujuan itu.

Pada pendapat saya lebih baik kita ada satu Ibu Kota Kuala Lumpur, hanya sebagai satu centre pentadbiran atau administrative centre sahaja. Sekarang kita kaji meminda peranan kedua iaitu satu commercial centre barangkali akan dipindahkan ke Shah Alam, di Negeri Selangor. Ini bukan sahaja di negeri kita ada sesuatu tempat untuk pentadbiran dan suatu tempat untuk international commercial centre, tetapi jikalau kita lihat di Amerika Syarikat, Washington D.C. menjadi tempat pentadbiran di New York dan juga lain-lain bandar yang besar di dalam Amerika Syarikat menjadi commercial centre mereka. Jikalau kita mengambil satu keputusan begitu barulah saya ingat kita boleh mengatasi masalah-masalah yang sekarang dihadapi oleh rakyat di dalam Wilayah Persekutuan kita ini. Oleh kerana tanggungjawab atas Kementerian dan juga bandaraya sangat berat untuk ditanggung, kedua-dua kerja iaitu melicinkan pentadbiran untuk mengadakan satu Ibu Kota untuk menguruskan dan memberi perkhidmatan kepada pekerja-pekerja Kerajaan di dalam Kementerian-kementerian lain dan juga memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk yang mengambil bahagian di dalam commerce dan industry.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya masanya tepat jikalau kita mengkaji semula peranan yang dimainkan oleh Ibu Kota di negara kita ini dan haraplah cadangan saya iaitu Kuala Lumpur menjadi Ibu Kota administrative centre dan Shah Alam diberi peluang menjadi commercial centre. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson.

4.01 ptg.

Tuan Au How Cheong (Teluk Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Kerajaan semalam dan izinkan saya memberi sedikit sebanyak pandangan terhadap Rang Undang-undang ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta ibu bernombor 190 itu adalah dikatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhak untuk melantik Datuk Bandar, menentukan tempoh jawatannya dan menerima perletakan jawatannya. Saya tidak nampak apa-apa undang-undang yang menghalang atau mencegah seorang Datuk Bandar baru dilantik dan tidak ada apa-apa undang-undang yang mencegah Kerajaan supaya mencadangkan satu nama baru juga apabila Datuk Bandar tidak ada. Pada biasanya apabila seorang Datuk Bandar yang ingin meletakkan jawatannya beliau memberi notis yang mencukupi dahulu. Dalam keadaan-keadaan seumpama ini seorang Datuk Bandar baru boleh dilantik dengan secepatnya dan nampaknya adalah tidak perlu bagi Ketua Setiausaha Kementerian bertindak sebagai seorang Datuk Bandar. Sekiranya seorang Menteri diberi kuasa untuk melantik KSU atau pegawai-pegawai yang lain bagi selama suatu tempoh yang tidak dihadkan adalah kemungkinan kuasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda itu untuk melantik Datuk Bandar itu menjadi tidak perlu lagi. Walau bagaimanapun, saya berpendapat mungkin adalah lebih elok bagi satu jawatan tambahan yang tetap iaitu Timbalan Datuk Bandar diwujudkan jika tidak ada apa undang-undang yang menghalang pengwujudan jawatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini dibuat berdasarkan atas apa yang sedang berlaku di Majlis Perbandaran Ipoh (Municipality of Ipoh). Buat sementara ini Municipality of Ipoh itu sedang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak. Sungguhpun Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah seorang tokoh yang amat berkeelayakan untuk memegang jawatan itu tetapi memandangkan beliau adalah seorang pemimpin yang amat sibuk yang harus menjalankan berbagai tugas lain, beliau sebenarnya hanya dapat menghadiri mesyuarat-mesyuarat tertentu sahaja, misalnya, mesyuarat penuh bulanan. Ini bermakna tugas-tugas harian adalah sebenarnya dijalankan oleh Timbalannya.

Ibu Kota adalah satu bandar yang lebih besar dan lebih penting daripada Ipoh dari segi kewangan, bidangkuasa, belanjawan tahunan, bilangan kakitangan dan lain-lain dan tanggungjawab KSU Kementerian pula adalah berat juga. Sekiranya Ketua Setiausaha akan memegang jawatan Datuk Bandar itu, saya percaya beliau mungkin tidak dapat memberi perhatian dan masa yang penuh atas jawatan yang mustahak itu. Beliau juga mungkin terpaksa bergantung atas seorang pegawai kanan ataupun beberapa pegawai kanan untuk menjalankan pentadbiran harian. Oleh yang demikian, saya bercadang supaya jawatan Timbalan Datuk Bandar dapat diwujudkan dan Timbalan itu boleh menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih cekap dan lebih licin semasa Datuk Bandar absent.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini merayu kepada Kerajaan juga supaya janganlah mengubah Menteri bagi Kementerian Wilayah Persekutuan ini dengan begitu kerap. Seperti Dewan ini maklum sejak 3 tahun ke belakang ini terdapat tidak kurang daripada tiga Menteri yang berlainan mengetuai Kementerian ini. Ini bermakna sebelum seorang Menteri mengetahui dengan lebih mendalamnya terhadap Kementerian-nya beliau telah ditukar. Sudah tentulah Menteri yang berlainan mempunyai fikiran-fikiran, idea-idea dan gaya yang berlainan dan sebelum idea-idea itu dapat dilaksanakan ataupun dirangka dengan baik, Menteri itupun telah dipindahkan dan idea-idea Menteri itupun telah digantung ataupun diberhentikan sama sekali. Oleh itu saya berharap Menteri bagi Kementerian ini tidak ditukar so frequently supaya fikiran-fikiran Menteri itu dapat dilaksanakan untuk kepentingan rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

4.07 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Ibu Kota Persekutuan (Pindaan) yang telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan yang mulia ini semalam.

Di antara lain, kata Yang Berhormat Menteri tujuan peruntukan baru yang dipinda ini ialah membolehkan Ketua Setiausaha Kementerian ataupun mana-mana pegawai menjalankan kuasa pentadbiran yang selama ini dijalankan oleh Datuk Bandar dikala Datuk Bandar tidak ada ataupun bercuti di mana-mana. Pindaan ini sungguh perlu dan tugas Dato' Bandar begitu berat yang boleh menjalankan tugasnya semasa ketiadaannya supaya kerja-kerja itu tidak terjejas. Jawatan Datuk Bandar sungguh penting, tidak boleh dibiarkan kosong begitu sahaja maka sebab itulah pindaan ini dibuat supaya di dalam masa ketiadaan Datuk Bandar maka Ketua Setiausaha ataupun mana-mana pegawai yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri dapat menjalankan tugas dengan sempurna dan teratur sama juga seperti adanya Datuk Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dalam membentangkan Rang Undang-undang ini semalam ada menyatakan tanggungjawab Menteri bukanlah semata-mata merancang ataupun merangka tetapi tugas beliau lebih lagi supaya melihat pelaksanaan apa yang dirancangan itu dapat dijalankan dengan sempurna dan teratur.

Semalam sahabat saya wakil dari Kuala Lumpur Bandar ada mengatakan bahawa tindakan-tindakan yang diambil oleh Bandaraya begitu kejam, begitu zalim, tidak bertanggungjawab dan tidak bertimbangrasa. Pada pandangan saya apa yang disarankan oleh wakil dari Kuala Lumpur Bandar itu boleh jadi ada betulnya dan pada pandangan saya hendak menjalankan penguatkuasaan undang-undang kalaulah kita bertindak secara lembut maka undang-undang itu tidak dapat dijalankan dengan baik dan sempurna. Oleh yang demikian, segala tindakan undang-undang itu pada pandangan kita mestilah pahit tetapi walaupun benda itu pahit adalah untuk kebaikan seluruh orang ramai.

Dalam hujjah Yang Berhormat tersebut ada mengatakan seolah-olah ramai pegawai yang tidak bertanggungjawab menjalankan tugas mereka. Semalam saya berkesempatan berada di Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan. Saya berbincang dengan

pegawai yang berkenaan tentang masalah tanah. Saya ingin mengucapkan syabas kalaulah apa yang dikatakan oleh pegawai Pemungut Hasil Tanah, Wilayah Persekutuan itu betul iaitu segala masalah tanah yang diterima olehnya tiap-tiap hari boleh dikatakan hampir 200 ataupun 300 permohonan; selewatnya-lewatnya dapat diselesaikan satu-satu permohonan itu dalam masa 2 bulan—ini saya ucapkan syabas. Kita berharap lebih ramai pegawai dapat menjalankan tugas dengan begitu cekap sekali. Ini tidak lain dan tidak bukan membuktikan bahawa pentadbiran Ibu Kota Wilayah Persekutuan ini sungguh berkesan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu apabila saya berbincang dengan pegawai tersebut nampaknya pengetahuan sivik perlu diberi kepada pegawai-pegawai ataupun latihan-latihan tertentu patut diberi kepada mereka melalui Bandaraya ataupun Kementerian sendiri supaya lebih banyak lagi pegawai menjalankan tugas mereka dengan lebih sempurna dan teratur dan kita percaya dengan memberi tugas ini semasa ketiadaan Datuk Bandar di Ibu Kota ini, Ketua Setiausaha Kementerian yang baru di bawah seorang Menteri yang baru, kita percaya benda-benda yang semacam ini dapat disusun oleh Ibu Kota atau Bandaraya supaya lebih ramai kakitangan dan pegawai-pegawai dapat menjalankan tugas dengan lebih sempurna dan teratur dan tidak lagi timbul perkara-perkara sepertimana yang disebutkan oleh sahabat saya dari Kuala Lumpur tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menjalankan pentadbiran Ibu Kota Kuala Lumpur di dalam Wilayah Persekutuan ini semua kita ketahui, sebut apa sahaja itu adalah problem kepada rakyat jelata dan kepada orang ramai. Saya ingin mengambil satu perkara, kita semua ketahui banyak sangat kenderaan-kenderaan ataupun kereta-kereta motor yang didaftarkan di dalam Ibu Kota sendiri tidak kira kereta-kereta yang datang daripada negeri-negeri lain ke Ibu Kota yang menjalankan tugas mereka masing-masing di Ibu Kota. Yang menjadi masalah kepada pemandu-pemandu kereta yang kita hadapi di Ibu Kota yang mana pentadbiran Ibu Kota perlu mengambil

perhatian yang serius, masalah tempat hendak letak kereta. Apatah lagi dengan adanya operasi O.K. yang disebut oleh wakil dari Kuala Lumpur Bandar itu banyak pengguna-pengguna kereta ataupun penjaja-penjaja dan rumah-rumah setinggan dan sebagainya diambil tindakan oleh pihak yang berkenaan. Bertindak saya ucapkan syabas. Itu adalah mereka menjalankan undang-undang.

Tempat menyimpan kereta (parking space) perlu diberi perhatian yang serius oleh Kementerian berkenaan kerana kalau kita tidak menyelesaikan masalah parking space, tempat tidak ada maka lebih banyak orang akan marah kepada Ibu Kota ataupun Bandaraya ataupun mungkin kepada Menteri yang berkenaan kerana tidak menyelesaikan masalah, cuba bertindak tetapi kita tidak mencari jalan keluar bagaimana hendak menyelesaikan masalah itu. Masalah parking space saya agak senang sahaja. Kalaulah Kementerian Wilayah Persekutuan ini ada duit yang cukup, kalau tiada minta kepada Kerajaan Pusat, mengadakan parking space atau tempat letak kereta dengan begitu banyak sekali kerana dua tahun yang lepas saya pergi ke Mekah, di bandar Mekah begitu sibuk sekali dengan kenderaan tetapi di tengah-tengah bandar Mekah itu dibuatnya rumah bertingkat-tingkat begitu tinggi khas untuk parking kereta semata-mata. Kalaulah ini boleh dibuat oleh Yang Berhormat Menteri maka insya Allah masalah parking sahaja pun kita boleh selesai kalau tidak 100% boleh kata 80% kita dapat menyelesaikan.

Masalah perjalanan di dalam Ibu Kota kita ini, begitu sesak, begitu sulit sekali. Kalau seseorang pemandu kereta berjalan dari Jalan Ampang boleh sampai ke Parlimen dalam masa setengah jam itu adalah bertuah baginya, kerana masalah ini bukan baru, lagi Kerajaan hendak cuba menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di dalam Kuala Lumpur dengan mengadakan viaduct, jalan ringkas, jalan besar potong sana tetapi masalah kesesakan Ibu Kota masih berlaku. Ini bukanlah penyakit baru, malah penyakit lama dan perlu dicari jalan bagaimana kita hendak mengurangkan perkara ini. Saya agak banyak orang tidak bersetuju dengan saya,

kita kena tiru negeri orang lain benda yang elok ini, benda yang elok kita tiru, jangan malu. Di Kuala Lumpur kita ini sungguhpun kita ada jalan banyak, viaduct banyak tetapi kesesakan masih berlaku. Saya rasa patut juga Kementerian memikir masalah restricted area dikhaskan tempat-tempat yang sebok itu sekian jam jangan masuk. Maka dengan demikian saya agak kesesakan boleh dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran Bandaraya saya agak begitu menghadapi kesulitan, ini bukan setahun, dua tahun malah berpuluh tahun masalah mengadakan perumahan yang cukup kepada penduduk-penduduk di dalam bandar ini. Kita tahu banyak orang kalau sebut hendak mengadakan rumah mereka tidak berapa ingin hendak mengadakan rumah flat kononnya, rumah flat ini tidak sesuai tetapi rakyat mesti ingat bahawa di Ibu Kota tanah yang begitu terhad, rumah pangsa tinggi mesti diwujudkan begitu banyak sekali supaya lebih ramai orang mendapat kemudahan dapat rumah.

Bercakap berkenaan dengan perumahan atau housing estate ini secara condominium dan sebagainya biarlah kita buat mengikut sepertimana yang dijalankan oleh negara tetangga kita. Satu-satu kumpulan flat yang dibuat itu sehingga 30-40 flat yang tingginya 20-30 tingkat dan di situ dilengkapi dengan berbagai-bagai kemudahan. Kemudahan ibadat berbagai kaum diberi di situ, post office, polis, padang permainan diberi pada satu tempat. Itu adalah menjimatkan wang negara. Oleh yang demikian, saya mintalah Kementerian berkenaan ini dalam membincangkan masalah mengelakkan, memberi kemudahan Ibu Kota Kuala Lumpur ini masalah perumahan juga menjadi masalah yang rumit dan cara hendak membuat ini mestilah difikirkan semasak-masaknya supaya kalau tidak boleh 100% orang mendapat rumah di bandar Kuala Lumpur biarlah dapat 80% dan jangan kita lupa yang 20% tidak ada rumah masih menjadi setinggan.

Masalah setinggan, Tuan Yang di-Pertua, ini juga jadi masalah kepada Ibu Kota. Masalah setinggan, kalau kita sebut setinggan banyak orang sangka orang yang duduk

rumah setinggian itu orang yang susah, berpendapatan rendah. Tetapi setinggian di Kuala Lumpur saya tengok ganjil sedikit kerana banyak orang-orang kaya, orang-orang yang mampu, ada duit banyak, dia ambil kesempatan membina rumah-rumah haram ini. Kalau boleh, kalaulah betul ada, sepertimana yang saya dapat ketahui elok sangatlah Kementerian dan Ibu Kota ini mencari orang yang semacam ini kerana orang semacam ini adalah anti nasional merosakkan negara kita, memburukkan imej negara kita; pegang mereka bubuh dalam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Hariraya saya ada di Singapura dihantar oleh Parlimen di bawah CPA dinamakan CPA visit, itu adalah kali pertama saya pergi ke Singapura. Saya baca banyak risalah berkenaan dengan Singapura dikatakan "a garden city". Apabila saya pergi, saya percaya apa yang saya baca. Kerana Bandaraya Singapura di mana juga kita pergi, kita tengok indah dan cantik dengan pokok-pokok bunga, pohon-pohon yang begitu indah dan permai tetapi di Kuala Lumpur sebatu kita duduk kita nampak bangunan-bangunan batu semua. Naik pencakar langit, semua batu. Alhamdulillah, dalam masa sebulan dua ini tindakan sedang diambil, saya ucap syabas kepada Kementerian khasnya kepada Dewan Bandaraya. Saya tengok di sana sini sedang naik landscaping, di tepi Bank Negara, saya tengok di bawah jambatan itu bubuh tanah ditanam pokok-pokok bunga, tempat yang tanahnya kosong dibubuhnya jalan hendak pergi ke Subang Airport ada begitu juga. Saya mengucap syabas. Kekalkanlah, sambungkanlah kerja-kerja ini supaya bandaraya kita juga boleh setanding dengan gelaran "Garden City of Kuala Lumpur". Dan kalau boleh bagi mereka yang suka terbang pokok, dendakan mereka. Ini satu masalah besar, kalau tidak ada undang-undang, masuk jadi undang-undang kerana kita kasihan kepada mereka yang tinggal di dalam Kuala Lumpur yang selalu gelisah, panas dan sebagainya. Alangkah indahnya kalau pokok-pokok itu tidak dibuang, ditanam begitu cantik seperti pokok Angsana contohnya. Pokok itu pada musim bunga dia mengeluarkan bunga yang cantik, kuning pada musim tidak ada bunga, daunnya hijau

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tolong duduk sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat, kertas yang kita bahasakan ini ialah satu Akta untuk meminda Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dan hanya berkaitan dengan perlantikan Datuk Bandar dan pengganti dia iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan. Dan satu lagi ialah berkenaan dengan meminda Seksyen 13 (1) berkenaan arahan kepada Datuk Bandar. Tetapi di dalam kertas yang kita akan bahas tidak lama lagi iaitu Rang Undang-undang Perancangan Wilayah Persekutuan 1981 memang ada banyak masalah-masalah disebut di dalam itu, berkenaan dengan pemeliharaan dan penanaman pokok, Fasal 31 yang mana akan dibentangkan tidak lama lagi.

Kalau begitu bolehkah Yang Berhormat balik kembali kepada tajuk asal iaitu satu Akta untuk meminda sahaja Akta Ibu Kota dan tumpukan kepada bunga, pokok dan pengindahan bandaraya di dalam perbahasan yang akan diadakan tidal lama lagi.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang Yang di-Pertua, terima kasih atas teguran itu. Saya agak saya tidak lari jauh kerana apa saya bercakap itu masalah pentadbiran. Tidak lari jauh juga. Jadi sungguhpun saya tahu ada lagi satu Akta yang saya boleh bercakap lebih panjang daripada itu, tetapi itu mungkin saya tidak berpeluang untuk bercakap, sebab itulah saya bercakap masalah ini kerana bersangkutan dengan pentadbiran, hendak menyusun daripada Datuk Bandar kepada Ketua Setiausaha Kementerian ataupun pegawai-pegawai lain menjalankan tugas supaya apabila pegawai-pegawai itu pergi ke situ dia dapatlah jalan kerana kita beri kuasa kepada dia, berjalanlah dengan teratur. Dan kita akan bercakap lagi jikalau diberi peluang di dalam Akta yang akan kita bincangkan sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidaklah hendak bercakap panjang di dalam Dewan yang mulia ini, hanya satu saya hendak beri pendapat ataupun pandangan saya sebagai orang ulu, datang dari ulu, Ulu Muda, saya

ingin juga melihat Ibu Kota ini maju, terkenal, masyhur seluruh dunia. Kalau kita pergi ke manapun kalau kata Kuala Lumpur nanti dia kata cantik. Itu tujuan saya. Kebanggaan itu saya dapat nikmat sama. Yang penting sekali kalaulah Ketua Setiausaha Kementerian menjalankan tugas sebagai Datuk Bandar saya agak planning ataupun perancangan yang kita akan bincang lebih lanjut lagi adalah sangat penting. Janganlah kita cuba hendak buat satu, 10 perkara lagi tidak selesai. Cuba selesaikan 10 perkara, 50 perkara tidak selesai. Perancangan itu biarlah secara teratur lagi terperinci. Jika perlu kepada khidmat-khidmat ikhtisas daripada luar negeri kita panggil, kita bayar; jangan sayang, jangan segan supaya benda ini berjalan dengan teratur dan sempurna.

Sungguhpun demikian, saya sokong juga pendapat sahabat-sahabat saya iaitu jawatan Datuk Bandar itu adalah satu jawatan yang agak penting dan mustahak dan kalaulah Datuk Bandar tidak ada Ketua Setiausaha Kementerian boleh menjalankan, lebih elok kita buat Datuk Bandar diperlukan juga di dalam Ibu Kota dan pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri dalam kita bincang masalah ini iaitu Ketua Setiausaha ini kita lantikkan dia sebagai Timbalan Datuk Bandar dengan kuasa eksekutif. Tetapi Datuk Bandar yang ada, kalau pun ada, biarlah dia dianggap sebagai Datuk Bandar, sebagai orang tua tempat kita merujuk dan sebagainya. Tetapi Ketua Eksekutif bagi Bandaraya ini mestilah kita serahkan kepada Ketua Setiausaha Kementerian sepertimana kita telah bincang dan Ketua Setiausaha Kementerian ini bertanggungjawab dengan Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana memilih seorang Menteri yang betul-betul kena pada tempatnya untuk mentadbirkan Wilayah Persekutuan ini kerana Yang Berhormat Dato' Menteri yang ada sekarang bukan datang daripada Semenanjung Malaysia ataupun daripada Kuala Lumpur, dengan memberi tugas kepada Yang Berhormat Dato' Menteri yang ada sekarang, beliau datang daripada Sabah maka masalah-masalah yang banyak timbul dapat

diselesaikan oleh Yang Berhormat Menteri dengan lebih mudah jikalau kita banding bubuhlah orang daripada Semenanjung Malaysia menjadi Menteri Wilayah Persekutuan ini banyak sangat masalah-masalah yang beliau sukar hendak menyelesaikannya. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan seluruh Kabinet yang ada kerana memilihnya. Biarlah menjadi tradisi Wilayah Persekutuan ini janganlah kita beri kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang datang daripada Semenanjung Malaysia biarlah mereka itu dilantik daripada sesiapa juga yang datangnya dari Sarawak ataupun Sabah. Ini satu penghargaan kita beri kerana menyenangkan mereka kerana dari segi parti politik tidak terlibat apa di sini. Ini saya mengucapkan syabas kepada Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang ini supaya diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Balik Pulau.

4.29 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian. Saya bangun untuk menyokong usul Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan yang telah mengemukakan cadangan untuk meminda Akta Ibu Kota Persekutuan 1960. Pindaan ini dengan tujuan bagi membolehkan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan menjalankan tugas-tugas menggunakan kuasa dan seterusnya melaksanakan kewajipan Datuk Bandar apabila Datuk Bandar tidak ada atau semasa dalam tempoh jawatan Datuk Bandar itu kosong.

Tuan Yang di-Pertua, melihat dan mengkaji atau kalau dihalusi maksud pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu bermakna bahawa kuasa atau kewajipan yang selama ini dipegang atau ditanggung oleh Datuk Bandar itu hendak di pindah kepada Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan.

Ini dari fahaman saya sendiri setelah saya kaji pindaan ini. Dan jika benarlah anggapan saya begitu maka timbullah satu isu yang saya agak penting dan patut diberi penjelasan dan orang ramai hari ini tertanya-tanya mengenai isu tersebut. Bagi saya dengan adanya pindaan Akta ini secara tidak langsung jawatan Datuk Bandar itu tidak perlu lagi setelah saya kaji saya dapat jawatan Datuk Bandar tidak perlu lagi atau lebih tepat kalau dikatakan dengan lulusnya pindaan Akta ini jawatan Datuk Bandar itu akan mansuh dengan sendirinya. Ini pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi bila Kabinet membuat keputusan mewujudkan Kementerian Wilayah Persekutuan maka fungsi Datuk Bandar ini tentulah telah menjadi salah satu perkara yang diambil kira, sudah dikaji dari keupayaannya dan daripada segi keperluannya dan kemungkinan besar dalam kajian tersebut telah didapati bahawa jawatan Datuk Bandar itu tidak perlu lagi diwujudkan dan tindakan ini saya rasa diambil untuk mengelakkan berlakunya power struggle ataupun rebutan kuasa dalam pentadbiran ibu kota itu sendiri. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, itu hanya andaian saya sahaja. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan memberi penjelasan yang lebih lanjut mengenai hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diteliti tugas Datuk Bandar itu adalah dilaksanakan dasar yang telah diputuskan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan, dan jawatan Ketua Setiausaha Kementerian tersebut itupun hendak melaksanakan dasar itu juga. Jawatan Datuk Bandar itu diwujudkan sebelum adanya Kementerian Wilayah Persekutuan tetapi apabila Kementerian Wilayah itu sudah wujud dan bila wujud Kementerian Wilayah Persekutuan itu dengan sendirinya ada jawatan Ketua Setiausaha, orang yang bertanggungjawab sepenuhnya yang melaksanakan seluruh dasar yang dibuat oleh Kementerian Wilayah. Jadi itulah yang saya katakan tidak perlu lagi, dengan lulusnya Akta ini tidak perlu lagi jawatan Datuk Bandar ini dilanjutkan atau diwujudkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada keadaan ibu kota yang dahulunya dikenal dengan nama Kuala Lumpur dan setelah ditambah lagi dengan Wilayah Persekutuan,

maka, pada hemat saya, Datuk Bandar tidak lagi mampu, sebagai seorang Datuk Bandar tidak mampu hendak merancang, hendak melaksanakan tanggungjawabnya kepada satu wilayah yang begitu besar bukan sahaja hendak menjaga maintenance bandar itu tetapi hendak pembangunan, hendak menyelesaikan masalah-masalah setinggan di mana yang kita faham bahawa Kuala Lumpur ini menjadi salah satu tempat yang amat digemari oleh para penduduk luar bandar datang mencurah-curah untuk mencari pekerjaan dan di samping itu oleh sebab tidak mampu untuk mendapat rumah-rumah yang ada di sekitarnya maka mereka telah menjadi setinggan, dan masalah setinggan ini saya rasa tidak boleh dipertanggungjawab kepada seorang Datuk Bandar maka dengan sebab itulah Akta ini dibuat dan dikemukakan dalam Majlis ini dan pada saya, saya menyokong penuh bahawa jawatan Datuk Bandar itu dimansuhkan kerana beban kerja yang dipertanggungjawab kepada Kementerian Wilayah ini begitu berat, begitu besar, ia berkehendakkan sebuah Kementerian bukan seorang Datuk Bandar lagi, sebuah Kementerian untuk mengkaji segala masalah-masalah yang timbul, segala perkara-perkara pembangunan yang akan dijalankan di dalam ibu kota ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin atau mohon izin bercakap sedikit menyentuh tentang kewajipan atau tugas atau tanggungjawab Datuk Bandar, Ibu Kota negara Malaysia. Saya suka menyentuh beberapa perkara dalam bidangkuasa yang telah diperuntukkan kepada Datuk Bandar itu. Kuala Lumpur khususnya Wilayah Persekutuan hendaklah melambangkan keadaan sebenar negara Malaysia keseluruhannya dalam semua aspek, dari aspek sejarahnya, politik dan ugamanya. Selama ini bila melawat Kuala Lumpur, Ibu Kota Malaysia, pelancung-pelancung luar negeri mendapati bahawa keadaan Kuala Lumpur, Singapura, Hongkong dan Taipeh itu tidak banyak perbezaannya yakni bandar yang dihuni oleh satu kaum sahaja. Dalam hubungan ini, saya harap pihak Kerajaan semasa mengkaji pelan induk ibu kota itu nanti hendaklah memastikan bahawa bandar Kuala Lumpur pada masa akan datang atau Ibu Kota Malaysia pada masa

Kaum bumiputra hendaklah diberi tempat dan dapat menyertai kemajuan dan pembangunan yang akan datang.

Menyentuh tentang penyertaan bumiputra dalam perkembangan kemajuan dan pembangunan ibu kota, saya suka menarik perhatian pihak Kerajaan tentang kedudukan perkampungan Melayu yang didapati di Ibu Kota sekarang. Perkampungan-perkampungan yang saya maksudkan itu ialah Kampung Bahru, Kampung Chendana dan Kampung Datuk Keramat. Kita dapati ketiga-tiga kampung ini terletak di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur sekarang. Kedudukannya begitu strategik dari segi perniagaan dan perindustrian. Ianya tidak sesuai lagi kalau dibiarkan sebagai tempat kediaman semata-mata. Tanahnya yang bernilai berpuluh ringgit bahkan ada tempat yang \$100 satu kaki persegi hanya kita gunakan untuk kediaman semata-mata, ini sangat rugi daripada segi ekonomi. Pada pandangan saya, ketiga-tiga kampung ini mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan semula sebagai salah satu pusat perniagaan dan industri perlancungan dan tanggungjawab ini patutlah diberikan kepada mana-mana satu agensi Kerajaan yang telah sedia sama ada MARA atau pihak UDA.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum sesuatu langkah diambil untuk membangunkan semula kampung-kampung tersebut sebagai pusat perniagaan pihak yang berkuasa hendaklah memastikan bahawa semua penduduk-penduduk yang terlibat akan diberi keutamaan menyertai pembangunan tersebut dengan cara diberi saham sebagai bayaran pampasan atas kerelaan mereka ini menyetujui perancangan semula itu dan penduduk-penduduk kampung yang saya sebutkan itu patut diberikan keutamaan mendapat peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan bila projek-projek tersebut terlaksana. Jadi galakan-galakan seperti yang saya cadangkan itu adalah bertujuan memberi kemudahan supaya perancangan itu dapat dilaksanakan kelak dengan tawaran-tawaran saham, dengan memberi peluang kepada penduduk-penduduk kampung tersebut menyertai rancangan itu untuk mendapatkan faedah daripada pembangunan

yang ada yang akan dijalankan itu maka mudahlah kita memujuk penduduk-penduduk ini menukar sikap mereka yang selama ini kampung itu begitu bernilai daripada segi ekonominya itu dijadikan hanya semata-mata tempat kediaman, hendaklah kita bangunkan dan daripada pembangunan yang akan kita buat nanti akan memberi faedah yang besar bukan sahaja kepada negara tetapi terus kepada penduduk-penduduk yang berkenaan. Jadi, kalaulah cadangan-cadangan saya ini dapat dipertimbangkan, saya yakin penduduk-penduduk ini akan tampil kemuka dan menyertai pembangunan yang akan dijalankan.

Perkara yang akhir saya suka sentuh, Tuan Yang di-Pertua, tentang kebersihan Ibu Kota ini. Undang-undang telah ada, maksud saya undang-undang mengenai kebersihan, orang ramai pun maklum, papan-papan tanda telahpun diletak di beberapa tempat memberi amaran kepada orang ramai jangan membuang sampah sesuka hati akan didenda \$250 dan lain-lain lagi. Namun begitu, di tempat-tempat yang menjadi tumpuan ramai, lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan penjaja seperti di Jalan Chow Kit dan di kawasan-kawasan pasar, kebersihan masih tidak dijaga. Sampah sarap bertimbun-timbun, tong-tong sampah itu kita dapati melimpah-limpah (overflow) sampah bertabur keluar dengan bau yang tidak terhidu oleh hidung manusia biasa. Jadi, sikap setengah-setengah orang ramai juga sangat negatif dalam menjaga kebersihan ini. Mereka ini tidak teragak-agak untuk membuang sampah di mana juga yang mereka suka. Mereka seolah-olah tidak nampak papan-papan tanda yang telah diletak melarang dan memberi amaran terhadap perbuatan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, sikap setengah-setengah orang ramai tentang menjaga kebersihan bandar ini agak anih. Maksud saya kalau kita melihat pelancung-pelancung dari Malaysia ini pergi ke Singapura, mereka ini dapat mematuhi sepenuhnya aturan peraturan undang-undang kebersihan yang dikuatkuasakan di negara Singapura itu dan ramai daripada mereka ini tak tahu di mana hendak buang sampah disimpan dalam saku

dan ada yang bawa beg pelastik disimpan dalam beg pelastik. Tetapi sikap itu berubah serta-merta bila mereka sampai balik di Johor Bahru, di Tambak Johor sudah berubah, segala sampah yang mereka simpan dalam saku seluar dan dalam beg pelastik itu dibuang sesuka hati. Jadi ini timbul tanda tanya mengapa sikap orang ramai begitu; boleh bertukar jadi baik, boleh bertukar jadi buruk dalam sekejap masa. Pada hemat saya ini ada kaitan rapat dengan pelaksanaan undang-undang dan kita dapati di Singapura itu kuatkuasa undang-undangnya dengan begitu tegas, didenda serta-merta ditempat itu juga. Kalau undang-undang itu sudah didapati berkesan di satu negara jiran kita apa salahnya dan saya fikir tidaklah kita berasa malu untuk kita melaksanakan undang-undang yang serupa di sini demi kebersihan dan kebaikan negara kita.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya berharap sangat-sangat undang-undang kita yang telah sedia ada itu dapat kita kuatkuasakan sepenuhnya dan dalam hubungan ini kalau kakitangan penguatkuasa itu kurang patut kita tambah. Ahli-ahli Dewan Rakyat dalam Dewan ini sedia menyokong untuk melaksanakan sepenuhnya undang-undang mengenai kebersihan dalam bandar negeri kita ini.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong sepenuhnya pindaan ini dan mengucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Damansara.

4.45 ptg.

Tuan V. David (Damansara): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berucap atas Rang Undang-undang ini.

Daripada tahun 1960 kami ada bawa cadangan satu bandar mesti ada satu Majlis Bandaraya yang wakil-wakilnya dipilih. Tahun 1960 satu Badan Suruhanjaya Di Raja ada juga rekomen hapuskan pilih wakil-wakil duduk dalam Majlis Bandaraya Kuala Lumpur, atas perkara itu juga kita ada sekarang Dewan Bandaraya dan Wilayah Persekutuan.

Rakan-rakan saya tadi ada berucap dan menyokong penuh mesti ada satu pilihan Ahli-ahli Majlis Bandaraya bertanggungjawab kepada rakyat di Wilayah Persekutuan. Soalnya sekarang kalau Datuk Bandar tidak ada, pengganti kerjanya ialah Ketua Setiausaha Kementerian. Apa kerja Datuk Bandar selama dekat lebih 3 tahun? Saya nampak Datuk Bandar tidak ada kuasa, Datuk Bandar pun tidak tahu apa kuasanya. Kementerian Wilayah Persekutuan kadang-kadang mengarahkan kepada bahagian-bahagian di bawah Datuk Bandar tetapi selalu kerja tidak dijalankan, kedua-dua bahagian tolak sana tolak sini. Saya nampak macam Datuk Bandar tidak ada kuasa, sebab itu baru dia hendak melepaskan tanggungjawab jawatannya. Kalau kita menerima Datuk Bandar, Datuk Bandar mesti dipilih oleh rakyat di Wilayah Persekutuan, kalau tidak, Datuk Bandar boleh dikatakan macam kayu, tidak ada apa-apa kuasa di tangannya, dia tak boleh jaga soal-soal rakyat di Wilayah Persekutuan. Saya sokong penuh lantikan Majlis Bandaraya di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya nampak barangkali Kerajaan mahu hapuskan Datuk bandar, mahu ambil kuasa daripada Datuk Bandar, Ketua Setiausaha mahu pegang kuasa ini di Kementerian Wilayah Persekutuan, tetapi kalau Datuk Bandar tidak kena pilih, siapa pegang kuasa pun tidak menjadi soal tetapi Kementerian Wilayah Persekutuan hendaklah ubah balik pentadbiran di Wilayah Persekutuan. Pentadbiran di Wilayah Persekutuan ada banyak bahagian, macam-macam bahagian, ada Pengarah dari pagi sampai petang bermesyuarat, kerja tak ada berjalan, kalau hendak berhubung dengan pegawai-pegawai Wilayah Persekutuan atau Bandaraya ke mana Pengarah ini, Pengarah ini pergi mesyuarat, bila dia balik, kita tidak tahu. Begitu juga banyak Setiausaha dalam Badan ini sekarang, Setiausaha pun tidak tahu ke mana Pengarah itu pergi, dia kata ada mesyuarat. Ahli-ahli Parlimen dalam Wilayah Persekutuan tidak boleh berjumpa dengan Pengarah, saya ingat Tuhan pun senang berjumpa tetapi bukan Pengarah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Wilayah Persekutuan mahu maju, mahu bergerak, mahu berjaya mestilah tukar pentadbirannya. Kita ada tiga bahagian dalam Kuala Lumpur. Satu bahagian sahaja menjadi longkang. Bagi yang sapu longkang, ambil dan buang kekotoran itu satu bahagian. Sapu kekotoran itu lagi satu bahagian. Potong rumput lagi satu bahagian. Jadi ada tiga bahagian. Selepas ambil dan buang kekotoran, kekotoran itu sudah masuk balik ke dalam longkang itu bila hujan, dia kata ini bukan kuasanya, ini kuasa lain bahagian, berhubunglah dengan ketua itu.

Pilihanraya yang lepas Datuk Bandar ada berjanji dia mahu lantik satu-satu Pengarah bagi satu-satu Kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan di mana boleh didengar soal-soal dan perkara-perkara dalam kawasan itu. Selama 3 tahun perkara ini barangkali sudah disimpan dalam laci dan tidak dibuka lagi. Apa yang rakyat di Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan mahu ialah mereka mahu service, sebab rakyat bayar cukai, bukan dapat free. Semua rumah-rumah dalam Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan, tiap-tiap tempat Wilayah Persekutuan ada kutip cukai tetapi dia tidak beri service.

Saya beri satu contoh, dalam Wilayah Persekutuan ada juga Kampung Pasir, tanah itu ada geran, semuanya ada 78 tidak ada api dan air yang dalam Rancangan Lima Tahun yang pertama ada janji dalam Dewan mengatakan dalam bandar dan di luar bandar boleh diberi api, air dan sebagainya. Dalam bandar tidak ada api dan air, bagaimana kita jaga penduduk dalam Wilayah Persekutuan. Bila kita minta bolehkah dapat api dan air dalam Kampong Pasir? Kita diberi satu jawapan; kita ada rancangan hendak acquire tanah ini. Kalau ada rancangan sepuluh tahun akan datang Kerajaan hendak ambil tanah yang bergeran itu sampai sepuluh tahun dia tidak boleh menggunakan api dan air. Kalau begini nama sahaja Kementerian Wilayah Persekutuan dan Datuk Bandar, kalau Datuk Bandar ada atau tidak itu bukan menjadi soal. Soal yang besar dalam Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan ada beribu-ribu rakyat daripada luar masuk. Kenaikan yang banyak tiap-tiap tahun, dahulu 3% tetapi sekarang 7%.

Kita juga ada membina rumah murah tetapi rumah murah ini kalau kita membina rumah murah 300 unit permohonan ada 30,000. Sudah siap pembinaan ini kita membina di lain tempat atau lain kawasan, di sana kita membina 200 atau 300 unit, ada lagi 50,000 yang memohon. Ini masalah yang pertama dalam Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan sebab orang tidak cukup rumah murah. Ada banyak rumah mahal, itu senang mendapatkannya tetapi orang miskin tidak. Rancangan perumahan di Kuala Lumpur/ Wilayah Persekutuan kalau tidak pergi cepat, kalau tidak ada rancangan yang crash programme, tiap-tiap tahun membina 100,000 buah rumah barangkali lima tahun akan datang kita boleh selesaikan perkara atau soal besar ini mengenai rumah murah. Kalau tidak tiap-tiap tahun, tiap-tiap kali dalam Dewan kita boleh bincangkan, kita boleh beri jaminan hendak membina rumah-rumah untuk diberi kepada rakyat tetapi tidak berhasil.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita membina flet 17 atau 20 tingkat kita berkehendakkan kepada service tetapi tidak ada telefon, tidak ada klinik, tidak ada pasar. Di Bungsar Park dan Taman Lucky tidak ada sebuah market pun. Soal ini bukan baru, sejak tahun 1960 dalam Majlis Bandaraya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Duduk dahulu Yang Berhormat. Saya sudah benarkan Yang Berhormat bercakap lebihkurang 10 minit sedikit-sedikit berkenaan dengan pembangunan, perancangan semua sekali yang akan dibincangkan dalam kertas DR. 23/81 berkenaan dengan Rang Undang-undang (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1981. Sekarang ini kita menumpukan kepada suatu Akta untuk meminda Akta Ibu Kota Persekutuan khususnya dan soal tugas Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah mengambilalih tugas Datuk Bandar dan juga sedikit berkenaan dengan seksyen 13 (1) Akta yang berkenaan dengan jenis am dan lain-lain sedikit. Kalau boleh Yang Berhormat tumpukan kepada perkara yang berkaitan.

Tuan V. David: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak berucap mengenai Wilayah Persekutuan saya ingat banyak yang

kita boleh ucapkan tetapi saya sekarang tidak mahu lari daripada itu. Yang asalnya di sini kalau Datuk Bandar tidak ada, tempatnya kosong, Ketua Setiausaha Kementerian yang menanggung. Ini boleh dikaitkan dengan rancangan (planning.).

Rancangan saya nampak sangatlah jauh. Tidak guna pergi ke England. Tengok kepada satu contoh yang belajar bukan sahaja kami yang bercakap, semua Ahli-ahli Barisan pun menerima. Tengok Singapura. Macam mana Singapura membina rumah murah atau lain-lain. Saya minta kepada Kementerian Wilayah Persekutuan hantarlah pegawai-pegawai kita untuk mendapat latihan di Singapura sebab ini yang dekat, bukan London atau lain-lain tempat. London dan New York lagi kotor, Singapura lagi bersih saya nampak. Kalau kita pergi ke Time Square di New York hari Ahad, saya agak yang kotor sekali. Sebab itu kalau kita boleh bekerjasama dengan Singapura hantar orang kita belajar di sana dan balik, saya ingat boleh menolong rakyat di Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan. Sebab itulah saya mengatakan tadi Datuk Bandar kalau tidak dipilih oleh rakyat kerusinya tidak laku. Kalau ada Datuk Bandar dari lantikan rakyat, dia bertanggungjawab penuh kepada rakyat, ahli-ahli pun kena lantik, dipilih daripada rakyat, dia boleh bertanggungjawab. Tetapi sekarang kita ada badan penasihat dalam Kuala Lumpur, dia tidak jawab sesiapa; dia jawab sendiri, bukan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya diadakan satu Majlis Bandaraya seperti dahulu tahun 1954, 1955 hingga 1960. Kalau begitu kita boleh dapatkan tanggungjawab daripada mereka.

Satu lagi sesiapa yang bekerja di Kementerian Wilayah Persekutuan pegawainya hendaklah dedikasi. Pegawai ini mestilah bertanggungjawab kepada rakyat, rakyat pergi meminta api dan air dia ingat dia hendak memberi sedekah kepada rakyat yang duduk sebagai setingan. Pegawai ini bertanggungjawab, gaji dibayar daripada wang rakyat, kalau itu sesiapa tidak boleh ingat sahaja, dia ingat dia duduk di atas kerusi dan datang daripada syurga. Ini Kementerian Wilayah Persekutuan mestilah

memberi kepada mereka bekerja di tempat lain, gantikan dengan orang baru yang lebih dedikasi dan suka kepada kerja itu.

Kadang-kadang kita hantarkan satu surat kepada Dewan Bandaraya kadang-kadang dia kata tidak tahu di mana surat itu; bolehlah kita cari. Saya sendiri tahu hal ini sebab saya Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan. Wilayah Persekutuan dan Bandaraya patut ditukar bukan sahaja dioverall mesin-mesin itu, barangkali berkehendakkan kepada enjin yang baru. Enjin baru kalau kita pakai juga boleh jalan.

Satu lagi janganlah mesyuarat selalu. Pegawai yang besar, Pengarah-pengarah pergilah bawah tengok, ramai orang dalam Wilayah Persekutuan tidak tahu di mana Kampung Pasir, Kampung Sireh, Kampung Bahagia; dia sengaja tengok plan. Tuan Yang di-Pertua, saya harap Menteri Wilayah Persekutuan yang baru mestilah boleh menukar enjinnya supaya kereta itu berjalan kuat dan bersih yang boleh bertanggungjawab kepada rakyat di Wilayah Persekutuan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling.

4.58 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Saya dapat satu impression bahawa Rang Undang-undang ini ada dibawa ke Dewan yang mulia ini tergesa-gesa oleh kerana berlaku satu power struggle di antara Bandaraya dan Kementerian Wilayah Persekutuan dan oleh kerana ada berlaku keadaan sekarang di mana jawatan Datuk Bandar kosong kerana Datuk Bandar letak jawatan, sekarang pihak Kerajaan ada membawa Rang Undang-undang ini untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi sekarang tetapi nampaknya pihak Kerajaan masih dalam satu keadaan di mana boleh disifatkan sebagai ada banyak confused thinking. Confused thinking mengenai bagaimana akan mengadakan Kerajaan Wilayah Persekutuan atau Kerajaan Bandaraya. Sesiapa akan memerintah, siapa akan bertanggungjawab (governance)

Bandaraya atau Wilayah Persekutuan? Kalau dalam dua pindaan yang dikemukakan ini, yang pertama saya sangat menarik perhatian berat di atas peruntukan untuk membuat perlantikan baik pun Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan atau mana-mana pegawai awam lain yang diberi kuasa bertulis oleh Menteri untuk menjalankan tugas, menggunakan kuasa dan melaksanakan kewajipan Datuk Bandar dalam keadaan-keadaan yang ada disifatkan sebagai di mana Datuk Bandar sakit; tidak ada apa-apa alasan lain.

Saya rasa ini satu peruntukan yang sangat anih, kalau ada jawatan yang kosong, isikan jawatan itu. Kalau Datuk Bandar sudah resign, lantiklah seorang Datuk Bandar yang baru. Atau adakah tanahair kita dalam satu keadaan di mana kita tidak boleh cari atau kita tidak boleh mengadakan seorang pegawai yang layak memegang jawatan Datuk Bandar? Di mana perlu pula satu Rang Undang-undang dibawa ke Parlimen untuk tujuan ini sahaja. Untuk tujuan ini sahaja satu Rang Undang-undang dibawa ke Parlimen? Dan kalau ada peruntukan inipun, inipun untuk keadaan yang luar biasa, bukan untuk keadaan yang biasa di mana jika ada kekosongan diisikan kekosongan itu. Nampaknya kita sekarang diminta untuk meluluskan satu peruntukan di mana tidak perlu dilantik seorang Datuk Bandar yang baru, bagaimana Ahli Yang Berhormat yang baru tadi bercakap, nampaknya boleh dengan cara bertulis diberi kuasa oleh Yang Berhormat Menteri, seorang pegawai awam memegang jawatan menjalankan kuasa Datuk Bandar untuk beberapa lama tak diketahui.

Saya rasa ini bukan satu peraturan atau peruntukan yang patut dibuat. Kita mahu tahu kenapa pihak Kerajaan sekarang menghadapi masalah untuk melantik seorang Datuk Bandar yang baharu? Kenapa power struggle yang ada berlaku beberapa tahun ini sudah sampai ke peringkat ini di antara Bandaraya dan Kementerian Wilayah Persekutuan. Dan kedua, tentulah peruntukan ini ialah antara orang yang boleh dilantik menjalankan kuasa Datuk Bandar iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan atau pegawai-pegawai yang lain.

Konsep mengadakan satu Kementerian Wilayah Persekutuan ialah untuk menentukan dasar-dasar di mana Bandaraya menjalankan pentadbiran dan Kerajaan Bandaraya mengikut dasar-dasar yang ditentukan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Kementerian Wilayah Persekutuan boleh dikatakan memainkan satu peranan sebagai satu "check" untuk menentukan Kerajaan Bandaraya mengikut dasar-dasar yang ditetapkan, tetapi kalau Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan akan menjadi Datuk Bandaraya pula atau menjalankan kuasa-kuasa Datuk Bandaraya, siapa pula akan menjadi satu "check" terhadap semua pentadbiran, perjalanan Datuk bandar atau Bandaraya? Atau adakah Kerajaan sekarang merasa lebih baik hapuskan Bandaraya di mana Kementerian Wilayah Persekutuan ambalialih semua tugas-tugas tanggungjawab Bandaraya.

Kalau begitu, tentulah Menteri berkenaan, Menteri Wilayah Persekutuan dan bukan Ketua Setiausaha yang patut ambalialih kuasa-kuasa Datuk Bandar sekarang. Dengan sebab itu, saya katakan sekarang banyak "confused thinking" dalam pihak Kerajaan sebab tidak tahu bagaimana mahu resolve the power struggle yang ada. Bagaimana boleh adakan satu delineation kuasa mengenai Kerajaan Bandaraya. Saya rasa tadi apa yang patut atau cara yang terbaik sekali ada disaran atau dicadangkan oleh rakan-rakan saya daripada Sungai Besi dan Damansara bahawa ada satu Kerajaan Bandaraya atau Kerajaan Wilayah Persekutuan yang dipilih di mana penduduk dalam Wilayah Persekutuan boleh menentukan siapa akan bertanggungjawab memerintah Kerajaan Wilayah Persekutuan (elected Bandaraya). Tetapi Kerajaan Barisan Nasional tentulah takut, tak mahu pilihanraya, kalau ada election tentu kalah, DAP akan jadi Kerajaan Bandaraya. Sehingga boleh ada satu election system saya rasa pihak Kerajaan patut straighten out fikiran mengenai bagaimana mahu resolve the power struggle yang ada sekarang berlaku di antara Bandaraya dan Kementerian Wilayah Persekutuan sama ada sesuai untuk Menteri ambalialih tugas Datuk Bandaraya. Saya rasa ini mungkin tidak begitu sesuai.

Ada beberapa sebab, yang pertama saya rasa siapa yang bertugas, baikpun Datuk Bandaraya atau sesiapa yang akan bertanggungjawab di atas pentadbiran dan Kerajaan Wilayah Persekutuan mesti ada sekurang-kurangnya satu masa yang tetap untuk menjalankan idea-idea, cadangan-cadangan mengenai bagaimana memperkembangkan Ibu Kota sebagai pusat negara kita, baikpun daripada segi pentadbiran Kerajaan, perdagangan, kebudayaan atau apa-apa segi. Oleh sebab itu, di bawah Akta Ibu Kota ada peruntukan di mana Datuk Bandar dilantik oleh Kerajaan untuk tempoh 5 tahun supaya ada masa untuk menjalankan idea-idea dan pelan-pelan untuk Kuala Lumpur. Akan tetapi kalau seorang Menteri akan memikul jawatan atau tanggungjawab itu tentulah seringkali akan berlaku pertukaran orang-orang dalam jawatan itu.

Tengok apa yang berlaku baru-baru ini, tak sampai satu tahun ada tiga orang Menteri dalam jawatan itu. Sekarang ialah Yang Berhormat Menteri daripada Sabah. Dahulu Yang Berhormat Menteri di sebelah kiri beliau, Datuk Dr Sulaiman, sekarang sudah menjadi Menteri Pelajaran, beliau pernah dalam jawatan Menteri Wilayah Persekutuan. Sebelum itu, belum satu tahun dipegang oleh Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud pun bekas Menteri Wilayah Persekutuan. Dalam satu tahun atau belum sampai satu tahun ada tiga orang dilantik untuk menjadi Menteri Wilayah Persekutuan. Bagaimana boleh ada continuity dengan plan seseorang itu sekurang-kurangnya 5 tahun menjalankan perkembangan Kuala Lumpur.

Untuk Ketua Setiausaha pun saya rasa tidak sesuai oleh kerana KSU pun akan transfer atau dipindahkan daripada satu Kementerian ke Kementerian lain. Sebab itu ada banyak "chop dan change" dan apa Kementerian Wilayah Persekutuan patut buat ialah untuk menentukan dasar-dasar Bandaraya tetapi jawatan Datuk Bandar patut dikekalkan untuk menjalankan tanggungjawab harian atau pentadbiran. Saya faham tentu berlaku power struggle, Tuan Yang di-Pertua. Itu bukan sahaja dari segi personal, tetapi institutional—*institutional arrangements* yang ada tentulah

mengakibatkan power struggle. Sesiapa yang menjadi Menteri Wilayah Persekutuan sepenuhnya tentulah kalau tidak campurtangan dalam pentadbiran Bandaraya tidak ada kerja, membuat dasar-dasarnya bukan hari-hari.

Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri dalam Akta Ibu Kota Persekutuan, Seksyen 31 (1) di mana ada peruntukan bahawa Menteri boleh mengeluarkan "direction of a general character and the policy to be followed". Daripada tahun 1960 sampai sekarang berapa kali directions of general character on policy ada dikeluarkan oleh Menteri yang berkenaan? Saya rasa mungkin Yang Berhormat Menteri yang menjadi Menteri hanya untuk 3 bulan tidak tahu. Adakah beliau mengeluarkan walau satu kali directions of policy kepada Bandaraya? Tentulah perkara itu sangat jarang oleh kerana polisi itu bukan hari-hari, mungkin dalam satu tahun satu kali, dua kali atau sebagainya dan sesiapa yang menjadi Menteri Wilayah Persekutuan sepenuh masa tidak ada kerja. Tetapi kalau mahu bertanggungjawab, mahu respond kepada seruan-seruan, rayuan-rayuan, masalah-masalah dalam Bandaraya, sebenarnya itu sudah melebihi apa sebenarnya tanggungjawab Kementerian yang berkenaan. Di sini saya bukan kata patut tidak patut, baik tidak baik atau buruk tetapi itu adalah institutional problem dan tentulah seseorang yang menjadi Menteri, Ketua Setiausaha, pegawai-pegawai dan lain-lain pegawai tentu berlaku power struggle dengan Bandaraya, dan kalau sebenarnya ini berlaku Bandaraya sudah menjadi redundant dan lebih baik Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil alih untuk menjalankan tanggungjawab Bandaraya. Tetapi saya tidak ada sebut ini tidak begitu sesuai oleh kerana patut mengadakan seseorang pegawai yang boleh membuat kerja sepenuh masa dan sekurang-kurangnya untuk masa tempoh 5 tahun atau sebagainya yang boleh meneruskan jawatan dengan tugasnya, sikapnya dan bukan seorang yang menjadi Menteri atau Ketua Setiausaha pun saya rasa yang sesuai.

Di sini saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi new thinking, memberi pertimbangan yang mendalam kepada masalah ini.

Sebenarnya Rang Undang-undang ini saya rasa tidak elok dibuat dengan cara tergesa-gesa dan ini sebenarnya confused thinking sahaja. Saya pun tidak tahu kenapa dalam pindaan ini ada satu pindaan di mana dalam seksyen 13 (1):

“Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan

“jenis am, dan” (“of a general character, and”).

Di bawah Akta ibu yang berbunyi, Tuan Yang di-Pertua:

“The Minister may, from time to time give the Commissioner directions of a general character on the policy to be followed in the exercise of the powers conferred and the duties imposed on the Commissioner”.

Sekarang mahu dipotong “directions of a general character,” ertinya ialah sekarang kita boleh keluarkan directions bukan of a general character. Adakah ini tujuannya? Adakah ini bererti mahu keluarkan directions of a specific character? Misalnya mahu membuat jalan, longkang mahu dibersihkan. Saya rasa ini sangat mustahak oleh kerana melibatkan distribution of power dan tanggungjawab, barulah dianggap membayangkan power struggle. Saya rasa yang sepatutnya should be talked through, dijelaskan sebaik-baiknya oleh bukan sahaja Yang Berhormat Menteri, tetapi oleh Kabinet, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana kalau rebut kuasa diteruskan, penduduk-penduduk di dalam Wilayah Persekutuan akan menjadi mangsa sahaja kerana yang berlaku di dalam Wilayah Persekutuan seperti masalah perumahan, masalah setinggan, masalah pengangkutan, masalah kebersihan, masalah kemudahan-kemudahan yang pokok sangat-sangat tidak memuaskan hati oleh sebab di antaranya power struggle dan mereka lawan-lawan sahaja dan tanggungjawab mereka diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin lah satu cara yang berlaku di masa lampau di mana di Wilayah Persekutuan di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Oleh kerana inilah apabila berlaku perkara-perkara dasar perlu keputusan dibuat oleh Menteri yang berkenaan. Tetapi kalau ada satu

Kementerian yang sepenuhnya atas Wilayah Persekutuan, tentulah power struggle ini akan berlaku. Saya tahu di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan ada lagi dua tanggungjawab iaitu satu mengenai Ugama Islam di dalam Wilayah Persekutuan, lagi satu ialah mengenai tanah di Wilayah Persekutuan, tetapi perkara itu begitu kecil atau portfolio yang kecil tetapi saya rasa apa-apa keputusan yang dibuat hendaklah dengan fikiran, dan pertimbangan yang mendalam supaya penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan tidak terus menjadi mangsa daripada masalah-masalah yang bukan rekaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya rujuk kepada Akta ibu Akta Ibu Kota, saya dapati dalam Akta itu peruntukan Fasal 14 ialah berbunyi seperti ini:

“14. (1) The Commissioner shall, as soon as practicable after the end of each year, cause to be made and transmitted to the Minister a report dealing generally with the activities of the Commissioner during the preceding year and containing such information relating to the policy of the Commissioner and the affairs of the city as the Minister may from time to time direct.

(2) The Minister shall cause a copy of every such report to be laid on the table of the Dewan Negara and the Dewan Rakyat”.

Yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah tengokkan satu laporan tahunan yang dibuat oleh Bandaraya yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan yang mulia ini. Ini menunjukkan bahawa tanggungjawab-tanggungjawab yang minima yang ada diperuntukkan dalam Akta Ibu Kota pun tidak diikuti, lebih baiklah saya berharap bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan yang sebenarnya ada tanggungjawab dalam hal ini boleh menjalankan tugasnya dan menentukan bahawa laporan-laporan tahunan Bandaraya dikemukakan dalam Dewan ini supaya Dewan yang mulia ini boleh mendapat tahu dan jikalau perlu atau ada peluang boleh dibahas masalah-masalah dalam Bandaraya dan bukanlah sahaja dua-dua pihak seronok menjalankan power struggle mereka.

Di sini saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri dalam masa beliau menggulung dapat memberi satu jawapan yang memuaskan hati kenapa dan bila peruntukan Seksyen 14 dalam Akta Ibu Kota bahawa laporan tahunan hendaklah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini akan dibuat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Panti.

5.20 ptg.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama rakan-rakan saya untuk menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh lebih jauh, terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada pihak Kementerian yang telah menyedari hakikat bahawa peraturan-peraturan Akta ini telah sampai masa dan saatnya untuk dipinda. Sebelum itu sukalah saya menyatakan bahawa pihak Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang iaitu dari Sungai Besi dan juga dari Petaling, Yang Berhormat dari Petaling lebih 10 kali menyebut perkataan "power struggle" dalam Dewan ini; perkataan itu diulang-ulang lebih 10 kali. Di sini saya merasa hairan kerana pihak Ahli-ahli Pembangkang sendiri telah membayangkan perpecahan di antara mereka dan ini memang kami tunggu-tunggu. Umpamanya Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi pada awal-awal ucapannya menyokong pindaan ini tetapi Ahli dari Petaling umpamanya kita tidak nampak di mana pendiriannya menyokong pun tidak, membangkang pun tidak; macamlah pucuk lalang; di mana angin kuat ke situ ia pergi—sekarang pun dia telah pergi!

Jadi saya berasa ingin, bukan untuk menjawab, tetapi biarlah saya serahkan kepada Menteri yang berkenaan besok untuk menjawab; tetapi saya tidak sanggup menerima kecaman-kecaman dan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan sesuka hati, sesuka mulut dan lidahnya oleh pihak-pihak Pembangkang di dalam Dewan yang mulia ini, seperti menuduh parti yang memerintah iaitu Barisan Nasional takut kalau-kalau diadakan pilihanraya umum, Barisan akan kalah. Saya ingin memberitahu

Ahli Yang Berhormat sama ada dari Sungai Besi atau Petaling, jangankan pilihanraya kecil atau pilihanraya Majlis Bandaran; pilihanraya umum pun kita tidak takut (*Tepuk*). Tetapi malangnya Pembangkang pada bila-bila masa diadakan pilihanraya umum kita tidak bimbang dan tidak takut tetapi walaupun tidak didengar oleh Pembangkang itu saya harap dia akan membaca *Hansard* ini besok pagi dan akan mendengar apa yang saya hujahkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau apapun yang telah berlaku saya suka juga mengambil kesempatan dalam Dewan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Datuk Bandar yang sudah meletakkan jawatannya. Sebagaimana yang saya katakan tadi walau apapun yang telah berlaku, khidmat beliau tetap dikenang oleh kerana khidmatnya sebagai Datuk Bandar boleh dikatakan Majlis Perbandaran telah wujud sebelum wujudnya Kementerian Wilayah Persekutuan sendiri. Walaupun di dalam Akta pindaan ini tidak membayangkan bahawa kedudukan Datuk Bandar atau jawatan Datuk Bandar itu terhapus, saya tidak nampak wujudnya, hanya yang nampak di sini iaitu untuk membolehkan Ketua Setiausaha Kementerian menjalankan tugas-tugas Datuk Bandar sewaktu Datuk Bandar tidak ada, uzur dan sebagainya. Tidak nampak bahawa jawatan Datuk Bandar itu akan dihapuskan. Kalau sekiranya sebagaimana tuduhan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang yang mengatakan Datuk Bandar ini akan dihapuskan apa salahnya dan saya percaya pihak Kementerian tidak ragu-ragu untuk membuat satu Akta supaya jawatan Datuk Bandar itu dihapuskan dan tidak disembunyikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya walaupun pihak Pembangkang setengahnya setuju diadakan jawatan Datuk Bandar dan setengahnya tadi kita dengar supaya diadakan pilihanraya, jadi kita pelik melihat pemikiran-pemikiran Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang ini kerana boleh jadi dia lupa pada peringkat amalan dahulu memang, jangankan Datuk Bandar ataupun Pengerusi Majlis Perbandaran, Ketua Kampung dan Penghulu pun diadakan undi pilihanraya pada satu peringkat dahulu

tetapi akhir-akhirnya pihak Kerajaan memandangkan tidak ada timbul pilihanraya, yang ada hanya pilihanraya untuk Dewan Negeri dan pilihanraya untuk Dewan Rakyat. Itu sahaja dua pilihanraya. Jadi kita lihat di sini pemikiran Pembangkang sekarang ini bukannya maju ke hadapan tetapi hendak balik semula sebagaimana 20 tahun dahulu. Saya rasa pihak Kerajaan tidaklah begitu ghairah hendak mengikut pandangan-pandangan daripada pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kuasa-kuasa yang akan diluluskan oleh Dewan kepada Ketua Setiausaha, kepada Kementerian Wilayah Persekutuan bagi menjalankan tugasnya terhadap kebaikan dan kesempurnaan perjalanan Bandaraya; saya percaya Bandaraya masih menghadapi bermacam-macam masalah dan kesulitan yang harus dilakukan dari satu masa ke satu masa. Sebagaimana yang pernah kita dengar tadi daripada segi kebersihannya, daripada segi kesesakan lalu-lintasnya yang perlu diatasi dari semasa ke semasa dan juga peluang-peluang perniagaan bukan sahaja kepada sesuatu kaum yang tertentu tetapi eloklah diberi peluang juga kepada khasnya kaum bumiputra; bukanlah seperti keadaan yang ada hari ini yang menaja di warung-warung dan di lorong-lorong; yang sentiasa menjadi buruan kepada penguatkuasa undang-undang Ibu Kota. Saya harap dengan perjalanan kuasa-kuasa yang ada yang akan diluluskan di dalam Dewan ini membolehkan pihak Kementerian Wilayah merancang bagaimana untuk membolehkan kaum bumiputra khasnya untuk mendapat tempat dan supaya pihak Bandaraya menyediakan tempat-tempat yang sesuai, tidak lagi di warung-warung dan di lorong-lorong.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tadi ada pandangan, kalau tidak silap saya Ahli Yang Berhormat dari Kepong, yang mengatakan sudah sampai masanya Kerajaan atau Kementerian memikirkan Bandaraya atau Ibu Kota negara kita ini dipisahkan dijadikan Kuala Lumpur sebagai ibu kota pentadbiran dan bandar lain umpamanya Shah Alam dijadikan pusat perniagaan. Di sini saya agak tidak berapa setuju dengan pendapat supaya dipisahkan di antara pusat pentadbiran dengan pusat perniagaan kerana pusat perniagaan nanti tidak akan maju kalau tidak

diletakkan di situ pusat pentadbiran. Dan dengan keadaan yang wujud sekarang ini iaitu dengan menyatukan pusat pentadbiran dengan pusat perniagaan inilah yang menyebabkan bandar-bandar besar seperti bandar Kuala Lumpur ini maju dari semasa ke semasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Cuma apa yang terlintas di kepala saya pada saat ini oleh kerana memandangkan keadaan Bandaraya Kuala Lumpur ini yang telah berumur lebih 100 tahun barangkali pada masa bandar Kuala Lumpur ini diasaskan hanya secara kebetulan di mana terdapat perlombongan, di mana terdapat kumpulan pekerja-pekerja dan sebagainya, membuka kedai sehinggalah menjadi bandar, municipal dan akhirnya menjadi city tetapi akhir-akhir ini tidak lagi kebetulan tetapi mengikut perancangan yang telah dirancang dari semasa ke semasa.

Walaupun ada lagi satu Bil yang akan dibentangkan khususnya berkenaan dengan Wilayah Persekutuan, sukaiah saya memberikan pandangan dan cadangan supaya pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dari sekarang mencari jalan memikirkan kalau keadaan dan kedudukan geography bandar Kuala Lumpur ini yang sentiasa sahaja dilanda banjir tiap-tiap tahun, bukan sahaja banjir musim, tetapi kadang-kadang banjir kilat apabila hujan lebat banyak jalan-jalannya yang ditenggelami air. Jadi untuk membuat persediaan dari sekarang dan memikirkan sesuatu untuk jangka 100 atau 200 tahun atau 500 tahun yang akan datang supaya memilih satu kawasan yang agak tinggi yang sekira-kira tidak dapat ditenggelami oleh air bah dan kalau perlu kita alihkan Ibu Kota ini daripada Lembah Klang ini kepada satu tempat yang difikirkan munasabah. Ini sebenarnya bukanlah perkara baru kerana kalau kita lihat di negara-negara lain umpamanya di Pakistan ibu kotanya sekarang ini dipindah dari Karachi ke Islamabad.

Di Turkey umpamanya beratus tahun ibu kotanya Istanbul tetapi memandangkan suasana dan keadaan diubah ibu kota itu daripada Istanbul kepada Ankara.

Begitu juga baru-baru ini kita dengar Israel umpamanya sudah tidak sesuai lagi Tel Aviv yang berhampiran sangat dengan musuh-musuhnya seperti PLO dan sebagainya cuba hendak mengubahkan ibu kotanya kepada Baitul-Muqaddis yang sedang mendapat tentangan dari seluruh dunia. Begitu juga di Saudi Arabia yang ibu kotanya Jeddah tetapi akan diubah kepada Riyadh. Jadi itulah pandangan saya kalau Kuala Lumpur ini sudah tidak sesuai untuk 200-300 tahun yang akan datang eloklah kita fikirkan dari sekarang cari satu kawasan yang agak sesuai dan Kuala Lumpur ini akan jadi juga sebagai pusat perkembangan dan satu lagi bandar baru atau city yang baru kita adakan pusat perdagangan dan pusat perindustrian dan pusat perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya difahamkan tadi ada lagi satu Akta yang akan dibahaskan khusus berkenaan dengan Wilayah Persekutuan maka itulah sahaja pandangan-pandangan saya berhubung dengan Akta ini dan sekali lagi saya menyokong penuh pindaan kepada Akta ini dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.33 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkanlah saya menyampaikan penghargaan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Ibu Kota Persekutuan (Pindaan) 1981 yang saya bantangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Terdapat sebanyak 11 Ahli-ahli Yang Berhormat telah turut membincangkan Rang Undang-undang ini dan inginlah saya memberi jaminan bahawa pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh pihak Kerajaan dan mana-mana yang bersesuaian akan diambil menjadi panduan. Ingin saya menjelaskan sedikit kekeliruan yang saya rasa berlaku di mana kekeliruan itu boleh ditafsirkan sebagai Rang Undang-undang ini memberi peruntukan untuk Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan

mengambil alih tugas atau jawatan Datuk Bandar. Saya ingat yang paling keliru ialah Ahli Yang Berhormat dari Petaling di mana beliau mengeluarkan pendapat-pendapat yang pada saya adalah terkeluar daripada apa yang dibentangkan dalam Rang Undang-undang ini. Seksyen-kecil (7) di sini jelas menyatakan 'Jika' ("if")—Jika Datuk Bandar adalah terhalang daripada menjalankan tugasnya kerana sakit atau apa-apa alasan lain maka barulah Menteri akan melantik Ketua Setiausaha atau lain-lain pegawai menjalankan tugas itu. Jadi jelas sekali Rang Undang-undang ini tidak bertujuan untuk memansuhkan pada masa ini jawatan Datuk Bandar. Hanya peruntukan ini tidak ada dalam peruntukan yang asal maka ianya perlu di adakan supaya sekiranya Datuk Bandar tidak dapat menjalankan tugasnya kerana sakit maka bolehlah Menteri melantik Ketua Setiausaha atau pegawai-pegawai lain untuk meneruskan tugas itu.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah perkara-perkara lama yang memang sudah diketahui oleh Kerajaan. Ada di antara perkara-perkara ini telahpun dikemukakan kepada Dewan Bandaraya, telahpun dikemukakan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan telahpun diberikan jawapan-jawapan di mana ianya diperlukan.

Dalam kita menimbangkan sesuatu perkara atau masalah yang dikemukakan pihak Kerajaan mestilah mengkaji dengan teliti sebelum membuat satu-satu keputusan. Ada di antara perkara-perkara itu Kerajaan boleh membuat keputusan dengan serta merta dan ada pula di antara perkara-perkara itu yang terpaksa mengambil masa yang panjang sedikit disebabkan perkara-perkara itu rumit dan mempunyai implikasi-implikasi yang amat meluas. Apabila seseorang itu membuat pengaduan mengenai sesuatu perkara atau mengemukakan sesuatu masalah kepada Kerajaan, tentulah ianya berkisar kepada kepentingan pihak yang membuat pengaduan itu sendiri. Tetapi bagi pihak Kerajaan yang bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan seluruh rakyat di negara ini menjaga kepentingan negara dan masa depan implikasi dari satu-satu

keputusan yang dibuat itu adalah besar dan meluas. Apa juga keputusan Kerajaan yang ditaksirkan sebagai satu dasar yang akan melibatkan atau merangkumi kepentingan seluruh rakyat negara kita ini. Kerajaan tidaklah boleh membeza-bezakan di antara satu kaum dengan kaum yang lain dan tentu tidak boleh menepikan hak orang lain atau membeza-bezakan di antara satu dengan lain. Demi untuk keadilan setiap orang seharusnya diberi pertimbangan yang sama dan inilah asas dan sebab Kerajaan terpaksa perlu berhati-hati sebelum membuat sesuatu keputusan yang boleh meluas akibatnya meliputi keseluruhan rakyat kita di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya beralih kepada perkara-perkara lain, yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di masa mengemukakan pendapat masing-masing, inginlah saya menumpukan perhatian saya kepada beberapa perkara yang sering ditimbulkan oleh orang ramai termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada di dalam Dewan yang mulia ini ataupun di luar. Perkara-perkara ini pada hemat saya adalah penting dan perlu diberi keterangan, diberi penerangan yang lanjut sedikit. Dan saya akan cuba menerangkannya seberapa yang terdaya.

Perkara yang pertama yang menjadi perhatian ialah di dalam Wilayah Persekutuan atau Kuala Lumpur ini ialah penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil seperti yang telah disebutkan. Penjaja-penjaja termasuk penjaja beredar atau bergerak, penjaja statik atau sementara di dalamnya termasuk kereta tolak, motosikal, kereta-kereta atau lori, gerai-gerai tetap, gerai-gerai berkunci dan sebagainya. Di dalamnya juga termasuklah peniaga-peniaga kecil yang ditempatkan di kompleks-kompleks perniagaan seperti Kompleks Munshi Abdullah, Kompleks Perniagaan San Peng, Aked Ibu Kota dan kedai-kedai di bawah rumah pangsa.

Lesen-lesen bulanan yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya adalah tujuh jenis dan bayarannya adalah antara \$8 hingga \$14 sebulan. Lesen tahunan yang dikeluarkan ialah penjaja bergerak, gerai berkunci sementara, kedai di bawah rumah pangsa dan

bayarannya ialah antara \$3 hingga \$4 sebulan.

Jumlah penjaja-penjaja dalam tahun 1980 ialah 16,043 berbanding dengan 5,415 dalam tahun 1970. Ini bermakna pertambahan sebanyak 10,628. Hitung panjang pertambahan setahun ialah 19.6%. Adalah dijangka dalam tahun 1980 hingga 1985 jumlah penjaja akan meningkat kepada 22,819 orang dan dari jumlah itu 35% terdiri daripada bumiputra dan sehingga akhir tahun 1980 pertambahan peniaga-peniaga kecil ini mencapai 26,929 dan darinya seramai 11,923 orang atau 44.27% bumiputra dan 55.72% bukan bumiputra. Jangkaan ini berdasarkan pertambahan sebanyak 1,000 orang penjaja pada tiap-tiap tahun dalam jangka masa 10 tahun.

Masalah-masalah yang bersangkutan dengan penjaja-penjaja ini memanglah banyak, antaranya masalah tanah. Tanah yang strategik dari segi perniagaan di dalam Bandaraya adalah sukar didapati untuk membangunkan projek perniagaan dan ruang-ruang niaga yang menampung keperluan peniaga-peniaga kecil juga memang susah untuk diperolehi. Almaklum sahaja di Kuala Lumpur ini kita mempunyai sejuta lebih manusia sedangkan kawasannya tidaklah besar.

Pembangunan bandar-pembangunan bandar yang cepat menjadi persaingan kepada pertumbuhan peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja kecil. Pembinaan jalanraya, pengindahan, pembetulan, untuk mengatasi kesesakan lalu lintas, kesihatan dan pencemaran alam adalah menjadi cabaran di dalam melaksanakan projek-projek yang memberi kemudahan kepada penjaja-penjaja. Penjaja-penjaja kecil, pertumbuhan yang tidak dirancang, pertumbuhan di central commercial area, kemampuan dan kebolehan menerima pembangunan peniaga-peniaga, sikap pencapaian membaiki diri sendiri dan masyarakat, penggunaan serta pengurusan peniaga adalah juga menjadi sebahagian daripada masalah yang dihadapi.

Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Bandaraya Kuala Lumpur telahpun mengadakan berbagai-bagai rancangan untuk

memperbaiki lagi kedudukan peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja. Ini termasuklah menempatkan semula dan mengeluarkan lesen-lesen penjaja di tempat yang dikhaskan terutama lesen-lesen tapak penjaja yang masih kosong di sekitar rumah pangsa, di sekitar pasar, di sekitar perhentian bas, di sekitar panggung wayang, di sekitar tempat letak kereta, jalan-jalan dan lorong-lorong yang dibenarkan bagi penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga di pusat bandaraya. Kawasan perdagangan dan perindustrian, kawasan perumahan dan juga kawasan-kawasan baru di Wilayah Persekutuan.

Kedua, membina gerai-gerai berkunci, gerai-gerai bertutup, gerai terbuka dan kompleks perniagaan. Kedai-kedai bagi menaikkan taraf peniaga-peniaga yang sedia ada dan memberi peluang kepada peniaga-peniaga baru.

Ketiga, merancang dan membuka tapak-tapak penjaja yang baru dari semasa ke semasa dan dalam masa yang sama juga mencantikkan kawasan-kawasan penjaja yang sedia ada serta menambah kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan.

Keempat, menjalankan kajian-kajian dan penyelidikan-penyelidikan bagi memperoleh butir-butir lengkap mengenai kedudukan, keperluan dan mengesan tapak-tapak cadangan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil di Wilayah Persekutuan.

Kelima, melaksanakan dasar dan strategi penyusunan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil di Wilayah Persekutuan bukan sahaja untuk memastikan peluang-peluang diperolehi oleh bumiputra dan lain-lain tetapi juga dari segi pengawalan bagi mengelakkan masalah-masalah kesihatan, lalu lintas, keselamatan, pengindahan dan sebagainya. Menempatkan penjaja-penjaja di kompleks-kompleks perniagaan dan lain-lain bangunan yang difikirkan bersesuaian. Dan merancang tempat-tempat khas bagi peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja kecil di tiap-tiap taman perumahan baharu.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan dan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bercadang untuk mengadakan 8 buah projek yang dianggarkan akan

menelan belanja kira-kira \$91.7 juta untuk mengadakan kira-kira 2,300 unit ruang-ruang perniagaan di Kuala Lumpur. Ini akan mengandungi kompleks-kompleks perniagaan, gerai-gerai moden yang akan didirikan di 9 kawasan iaitu Kampung Kerinci, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Bangsar, Jalan Maxwell, Jalan Chow Kit, Jalan Munshi Abdullah, Kampung Keramat, Kampung Pandan dan Kampung Konggo. Projek-projek perniagaan tersebut apabila siap nanti adalah diharapkan akan dapat memberikan lebih banyak lagi peluang-peluang perniagaan kepada khasnya peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja kecil di Kuala Lumpur ini maka dengan itu kita berharap masalah itu kalau pun tidak dapat dihapuskan sekurang-kurangnya dikurangkan dan memberi peluang yang lebih banyak lagi kepada mereka yang benar-benar mahu mencebur diri dalam bidang perniagaan.

Antara perkara yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi ialah juga masalah lalu-lintas di Kuala Lumpur ini. Kadar pertumbuhan kenderaan di Kuala Lumpur ialah di antara 10% hingga 15% setahun sejak tahun 1970. Pertumbuhan kepada ruang jalan adalah tidak setanding dengan pertumbuhan kenderaan. Pemilikan dan penggunaan kenderaan persendirian juga didapati terlalu tinggi. Di Kuala Lumpur lebih kurang 70% daripada perjalanan kenderaan dibuat melalui kenderaan persendirian berbanding dengan 36% di Singapura, 26% di Bangkok dan 10% di Istanbul. Pendaftaran kenderaan di Wilayah Persekutuan sahaja adalah melebihi 3,000 buah dalam masa satu bulan. Penyiasatan lalu-lintas yang telah dijalankan menunjukkan kira-kira 50% daripada kenderaan-kenderaan menggunakan jalan-jalan di pusat bandaraya tanpa mempunyai sebab-sebab urusan di kawasan tersebut. Ini tidak dapat dielakkan, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan tidak ada jalan lain yang boleh dilalui untuk sampai kepada tempat yang dituju.

Pada tahun 1976 Kerajaan bersama dengan Bank Dunia telah menyelenggarakan projek Second Kuala Lumpur Urban Transport untuk membaiki keadaan pengangkutan di Kuala Lumpur. Tujuan utama projek ini ialah untuk menggunakan dengan lebih berkesan

lagi kemudahan-kemudahan pengangkutan yang sedia ada dewasa ini yang dirancang bagi Kuala Lumpur melalui penggalakan penggunaan HOVs High Occupancy Vehicles) dan tidak menggalakkan penggunaan Low Occupancy Vehicles. Komponen utama projek tersebut mengandungi rancangan-rancangan berikut:

- (1) menyiapkan jalan lingkaran tengah (middle ring road);
- (2) menyiapkan jalan lingkaran dalam (inner ring road);
- (3) memperbaiki 12 persimpangan bahaya;
- (4) Memperluaskan 3 jambatan;
- (5) Mengkaji semua Central Area Traffic Circulation untuk memberi keutamaan kepada pengangkutan awam;
- (6) Area road pricing system;
- (7) Skim Pengawalan Kawasan Traffic (Area Traffic Control Scheme) termasuk kawalan komputer ke atas 63 simpanan di pusat bandaraya;
- (8) High Occupancy Vehicle Priority Scheme untuk memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam.

Walaupun beberapa komponen jalan-jalan dan jambatan-jambatan di atas telahpun siap dan dibuka kepada lalu-lintas, projek keseluruhannya yang menelan belanja kira-kira \$180 juta ini dijangka akan siap pada akhir tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain projek memperbaiki jalan, selain daripada Second Kuala Lumpur Urban Transport Project beberapa projek memperbaiki jalan telah juga dilaksanakan di kawasan Kuala Lumpur.

Projek-projek utama ialah:

- (1) Memperbaiki Jalan Kelang Lama;
- (2) Memperbaiki Jalan Damansara;
- (3) Memperbaiki Jalan Kuchai Lama;
- (4) Memperbaiki Jalan Kampung Pandan;
- (5) Memperbaiki Jalan Pahang;
- (6) Memperbaiki Jalan Gurney;
- (7) Persimpangan Jalan Ampang—Jalan Jelatik.

Beberapa Jejantas telah juga dibina di beberapa tempat di Kuala Lumpur untuk keselamatan orang-orang yang berjalan kaki.

Selaras dengan kajian Pelan Induk Kuala Lumpur kajian pengangkutan, Pelan Induk Kuala Lumpur telah dijalankan untuk merancang keperluan pengangkutan pada masa depan sehingga tahun 2,000. Sistem pengangkutan awam yang baharu sedang disiasat untuk menampung keperluan masa depan di Wilayah Persekutuan. Memandangkan kepada beberapa perkara yang saya telah sebutkan tadi, masalah lalu-lintas di Kuala Lumpur tentulah sukar untuk diatasi terutama sekali yang bersabit dengan kesulitan mendapatkan tanah-tanah untuk pembinaan jalanraya dan juga bilangan kenderaan-kenderaan yang bertambah begitu cepat. Namun demikian, dengan langkah-langkah positif yang diambil oleh pihak Kerajaan seperti yang saya senaraikan tadi masalah ini adalah diharap akan berkurangan dan akan memperbaiki lagi keadaan yang ada sekarang.

Ajensi-ajensi Kerajaan yang terlibat dalam masalah pengendalian lalu-lintas di Kuala Lumpur ini ialah Dewan Bandaraya, Jabatan Kerjaraya, Kementerian Perusahaan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Polis. Ajensi-ajensi berkenaan adalah sentiasa berhubung rapat dalam menyelesaikan atau mengurangkan masalah-masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya rasa sangat hangat pada ketika ini yang juga telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi ialah masalah setinggan. Dewan Bandaraya telah mempunyai laporan lengkap kedudukan dan bilangan setinggan di Wilayah Persekutuan. Bancian setinggan telah dibuat pada tahun 1978 dan juga pada tahun 1980. Data-data setinggan adalah seperti berikut:

- (1) Dalam tahun 1978—rumah 40,934, keluarga—48,709 dan penduduk 243,154 orang.
- (2) Dalam tahun 1980—rumah 36,502, keluarga—41,100 dan penduduk 233,109 orang.

Jelas berkurangan sedikit ini adalah disebabkan usaha-usaha Kerajaan

menempatkan orang-orang ini di tempat-tempat rumah-rumah pangsa. Mengikut pembahagian kaum pula adalah didapati 43% terdiri daripada orang Melayu atau bumiputra, 57% terdiri daripada bukan bumiputra. Pada masa ini terdapat 186 buah kampung setinggan. Kampung ini terletak di atas tanah-tanah Kerajaan, tanah-tanah persendirian, bekas-bekas lombong, rezab Kerajaan seperti Parit dan Taliair, Keretapi, LLN dan lain-lain. Memandangkan kedudukan dan pertumbuhan yang begitu serius pada tahun 1978 Dewan Bandaraya telah memulakan program pengawalan dan penempatan semula setinggan di Kuala Lumpur.

Dewan Bandaraya telah menetapkan peraturan dan panduan terhadap setinggan atas perkara ini seperti berikut:

- (1) mengatur program memindah dan menempatkan terutamanya setinggan yang terlibat dalam projek Kerajaan;
- (2) mengekalkan kampung-kampung setinggan yang difikirkan boleh dikekalkan;
- (3) memberi kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan asas kepada kawasan setinggan yang belum atau tidak terlibat dengan projek-projek Kerajaan;
- (4) mencegah dan mengawal pertumbuhan setinggan baru;
- (5) mengawal tanah-tanah yang belum diduduki oleh setinggan; dan
- (6) mengawal tanah-tanah yang telah dikosongkan atau dipindahkan daripada setinggan-setinggan.

Di antara tahun 1978 hingga 1980 Dewan Bandaraya telah memindahkan sejumlah 2,755 keluarga, iaitu 10,045 orang ke rumah-rumah murah, rumah pangsa dan rumah panjang. Dewan Bandaraya telah menentukan 45 kawasan setinggan yang terlibat dengan projek-projek pembangunan untuk dipindahkan, pada tahun 1981 sahaja sejumlah 1,300 keluarga, iaitu 6,500 orang telah dipindahkan.

Walaupun setinggan merupakan orang-orang yang telah melanggar undang-undang dan telah mendirikan rumah mereka di

tempat-tempat yang tidak diizinkan tetapi dari segi peri kemanusiaan, Dewan Bandaraya telah memberi berbagai-bagai kemudahan dan bantuan kepada setinggan-setinggan seperti berikut: bekalan air, bekalan api elektrik, tandas curah, perparitan, jalan infrastruktur, memperbaiki rumah, pondok telefon, pungutan sampah, wakil pos, dewan orang ramai atau yang biasa dikenali dengan Sang Kancil dan kerja-kerja gotong-royong. Kemudahan-kemudahan rekreasi juga diberi seperti taman kanak-kanak, gelanggang badminton, sepak takraw, rekreasi dalam dewan, perkhidmatan masyarakat dan kesihatan dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah setinggan sebenarnya bukanlah masalah baru. Masalah ini lahir bersama-sama lahirnya Bandaraya Kuala Lumpur ini. Pada masa ini pengawalan setinggan adalah di bawah Unit Penyelarasan Pembangunan dengan diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Kanan, seorang Ketua Inspektor, dua orang Inspektor dan 100 orang ahli. Kawalan dibuat secara rondaan tiap-tiap hari bermula dari jam 8.00 pagi hingga kepada jam 8.00 malam berdasarkan zon-zon mengikut kawasan Parlimen. Tugas-tugas pasukan ini ialah untuk memastikan rumah-rumah setinggan yang baru tidak didirikan dan jika didapati rumah-rumah baru sedang didirikan, mereka terus mengambil tindakan merobohkannya. Langkah ini adalah sangat perlu untuk memastikan supaya setinggan-setinggan tidak mendirikan rumah-rumah mereka secara haram dan sesuka hati yang boleh menimbulkan suasana yang buruk dan berbahaya. Tugas-tugas mengawas setinggan ini bukannya tugas-tugas yang senang dan bukannya tugas-tugas yang disukai oleh mereka tetapi pegawai-pegawai Dewan Bandaraya terpaksa menjalankan tugas-tugas itu demi untuk kepentingan Bandaraya Kuala Lumpur dan seluruh masyarakatnya. Tugas-tugas tersebut adalah dijalankan mengikut peruntukan undang-undang Essential Clearance of Squatters Regulations, 1969.

Seperti yang saya jelaskan tadi, Tuan Yang di-Pertua, masalah setinggan bukannya masalah baru dan Kerajaan telahpun mengadakan bancia setinggan dalam tahun-tahun 1978 dan 1980. Kerajaan telahpun mengatur berbagai rancangan bagi

mengurangkan masalah setinggan di Kuala Lumpur dengan mendirikan rumah-rumah pangsa, rumah-rumah panjang sementara bagi mereka yang terlibat dalam projek-projek pembangunan seperti pembesaran jalan dan lain-lain lagi. Usaha-usaha ini dijalankan secara berperingkat-peringkat dan keutamaan diberikan kepada setinggan-setinggan yang sudah lama bertahun-tahun tinggal di Kuala Lumpur.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan bercadang mengadakan 35,000 unit rumah-rumah pangsa di Kuala Lumpur. Kerana penduduk setinggan yang ada di Kuala Lumpur berjumlah kira-kira 250,000 orang, iaitu kira-kira $\frac{1}{4}$ daripada penduduk Kuala Lumpur, maka Kerajaan tidaklah dapat menggalakkan penambahannya kepada setinggan-setinggan yang ada dan dengan demikian Kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak lagi membenarkan rumah-rumah setinggan yang baru tumbuh dalam mana-mana kawasan di Wilayah Persekutuan ataupun Kuala Lumpur ini. Oleh itu mana-mana rumah haram yang baru didirikan oleh setinggan-setinggan adalah dirobuhkan dengan serta-merta sepertimana juga yang baru-baru ini dilakukan di Kampung Polo yang telah mendapat publisiti begitu luas. Tindakan Dewan Bandaraya merobuhkan rumah-rumah setinggan yang baru dibuat bukanlah perkara baru, perkara ini memang pun berlaku bertahun-tahun dahulu dan memang pun berlaku tiap-tiap hari, tetapi barangkali kerana tempat yang saya sebutkan tadi menjadi satu tumpuan ialah kerana biasanya kalau mereka ini mendirikan rumah pada waktu malam, orang-orang kamera (jurugambar) tidak datang mengambilnya tetapi bila merobuhkan maka datanglah beramai-ramai orang yang membawa kamera untuk mengambil gambarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang menyedari masalah ini dan seperti saya katakan tadi Kerajaan cuba sedaya upayanya untuk menyelesaikan masalah ini dan rancangan-rancangan sememangnya telahpun kita atur supaya orang-orang setinggan ini dapat dipindahkan kepada kawasan-kawasan yang tetap yang telah ditentukan oleh Kerajaan. Tetapi masalah setinggan ini seperti Ahli-ahli Yang Berhormat saya kira tentu

faham merupakan satu masalah yang tidak boleh diatasi. Sekiranya kita dapat mendirikan rumah 100 buah untuk 100 orang maka esok akan datang lagi 200 orang, setelah 200 orang kita dirikan, akan datang lagi 1,000 orang dan mungkin akan datang lagi beribu-ribu orang. Ini juga menyebabkan satu masalah di negeri-negeri lain di mana penduduk-penduduk di negeri-negeri lain beramai-ramai datang ke Kuala Lumpur sehingga menyebabkan masalah buruh di tempat-tempat berkenaan. Memandangkan kepada perkara inilah, maka Kerajaan tidaklah dapat membiarkan rumah-rumah setinggan yang haram ini didirikan mengikut sesuka hati mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya terangkan di sini ialah perkara yang juga ditimbulkan mengenai dengan pengeluaran Sijil Kelayakan. Perkara ini pernah menjadi heboh di satu ketika dahulu di mana seolah-olah kesalahan itu ditumpukan kepada Bandaraya, tetapi apabila siasatan kita buat, jelas sekali banyak pihak-pihak yang terlibat di dalam menyelesaikan masalah pengeluaran Sijil Kelayakan dalam Wilayah Persekutuan ini. Agensi-agensi terlibat mengenai dengan perkara ini ialah Dewan Bandaraya, Jabatan Tanah dan Galian, Jabatan Bomba, Jabatan Kerjaraya, Jabatan Kerja Air, Jabatan Parit dan Taliar dan Lembaga Letrik Negara. Syarat-syarat akan dikenakan oleh Jabatan-jabatan ini apabila seseorang itu hendak mengusahakan atau mengadakan bangunan-bangunan untuk tujuan perdagangan atau perumahan. Sijil Kelayakan ini hanya akan dibuat atau diberikan apabila syarat-syarat yang telah dikenakan oleh Jabatan-jabatan berkenaan dipatuhi atau dibuat oleh pihak yang mengusahakan tanah itu. Misalnya kehendak untuk mengadakan satu sistem pencegah kebakaran adalah sangat perlu dan di setengah-setengah tempat syarat ini telah tidak dilaksanakan dengan betul maka dengan sebab itu Dewan Bandaraya atau Jabatan Arkitek Dewan Bandaraya mengikut Seksyen 40, Street, Drainage and Building Act, 1974 telah tidak dapat mengeluarkan sijil-sijil berkenaan. Sebab-sebab kelewatan dalam pengeluaran Sijil Kelayakan ialah syarat-syarat yang dikenakan oleh Jabatan-jabatan berkenaan seperti saya sebutkan tadi tidak

dapat diperolehi dalam satu masa ataupun sebentar.

Beberapa syarat yang dikenakan itu bukan hanya menyentuh bangunan-bangunan proper semata-mata tetapi juga keseluruhan kawasan pembangunan. Ini termasuklah syarat-syarat seperti jalan masuk (excess road) yang dikenakan oleh Jabatan Lalulintas ataupun syarat-syarat yang berkaitan dengan keperluan daripada Jabatan Parit dan Taliair. Biasanya dalam keadaan ini di mana didapati sesuatu bangunan itu telah siap dan ianya boleh diduduki satu Sijil Kelayakan Sementara dikeluarkan.

Masalah mengenai pengeluaran sijil ini, Tuan Yang di-Pertua, telah dikaji dengan teliti dan berbagai-bagai cadangan telah dikemukakan untuk melicinkan pentadbiran. Perkara-perkara yang dikaji termasuklah syarat-syarat yang biasa dikenakan, tanggungjawab pemaju-pemaju, akitek-akitek dan jurutera-jurutera perunding dan tanggungjawab Jabatan-jabatan Kerajaan serta keseluruhan proses dan peraturan peneraan syarat-syarat dan pengeluaran Sijil Kelayakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu jawatankuasa telahpun diwujudkan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan selaku Pengerusi dan selaku Pemangku Datuk Bandar dalam Bandaraya dan dianggotai oleh semua Jabatan-jabatan yang berkenaan untuk meneliti masalah berkaitan dengan pengeluaran Sijil Kelayakan berhubung dengan 150 buah bangunan-bangunan yang sekarang ini diberikan Sijil Kelayakan Sementara supaya satu keputusan dapat dicapai sama ada untuk mengeluarkan Sijil Kelayakan atau tindakan sewajarnya diambil mengikut undang-undang kerana tidak mematuhi syarat-syarat yang telah dikenakan. Sambil itu garis-garis panduan akan disediakan untuk mewujudkan satu sistem yang lebih licin dan mudah bagi mengeluarkan Sijil-sijil Kelayakan di masa depan. Antara cadangan-cadangan yang akan dikaji ialah:

- (1) Menukarkan penggunaan perkataan dari Certificate of Fitness kepada Occupation Certificate untuk memberikan gambaran yang lebih jelas dan tepat.

- (2) Meminta pengusaha-pengusaha tanah (developers) untuk menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur sebelum pembinaan bangunan dijalankan.
- (3) Pemaju-pemaju dikehendaki membayar cagaran (deposit) kepada Dewan Bandaraya untuk mengelakkan mereka ini lari meninggalkan kerja-kerja yang belum siap mengikut syarat-syarat yang ditentukan.
- (4) Syarat-syarat pengeluaran kebenaran menduduki bangunan ataupun Occupation Permit diubahsuai mengikut keadaan dan kedudukan sebenarnya.
- (5) Proses melulus, memeriksa dan mengeluarkan kebenaran dipermudah dan dipercepatkan.

Dengan adanya pendekatan yang baru ini adalah diharapkan pengeluaran kebenaran untuk menduduki bangunan-bangunan di masa depan akan lebih cepat dan praktikal. Walau bagaimanapun, kerjasama semua pihak dalam perkara ini amatlah diperlukan, terutama sekali Jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat, pemaju-pemaju, akitek-akitek, jurutera-jurutera serta juga orang-orang yang akan menggunakan atau menduduki bangunan-bangunan berkenaan.

Satu lagi perkara penting, Tuan Yang di-Pertua, yang telah dibentangkan ataupun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi ialah mengenai dengan masalah banjir. Ibu negara kita Kuala Lumpur sedang berkembang dengan pesatnya. Pembangunan yang pesat ini menyebabkan meningkatnya kederasan alir permukaan sehingga menyebabkan berlakunya banjir di beberapa buah kawasan. Dalam beberapa keadaan telah juga berlaku banjir kilat seperti yang disebutkan tadi disebabkan hakisan dan timbunan tanah. Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai rangkaian sungai dan parit yang dapat dibahagikan kepada berikut:

- (1) Tiga sungai besar iaitu Sungai Klang, Sungai Baru dan Sungai Gombak.
- (2) Parit-parit induk yang mempunyai kawasan tadahan 100 ekar ke atas. Parit-parit besar ini juga dikenali sebagai parit monsun.

- (3) Parit-parit infrastruktur dengan kawasan tadahan yang kurang dari 100 ekar.

Sebahagian besar daripada parit-parit sebelah menyebelah jalanraya adalah termasuk dalam golongan ini. Banjir berlaku apabila salah satu daripada sistem peparitan di atas tidak dapat lagi menampung aliran air yang bertambah. Penyediaan satu pelan induk peparitan bagi Kuala Lumpur telahpun siap dan langkah-langkah sedang diambil untuk melaksanakan beberapa projek untuk mengurangkan kejadian banjir terutama sekali memperbaiki parit-parit induk. Satu senarai projek-projek untuk mengurangkan kejadian banjir telah disediakan meliputi 20 buah projek besar yang akan menelan belanja berjuta-juta ringgit.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat sahaja Kerajaan akan melaksanakan sebagai tambahan tujuh buah projek lagi yang dianggar akan menelan ataupun kosnya berjumlah \$16.2 juta. Selaras dengan kerjasama pembaikan ini langkah sedang diambil untuk mengurangkan kejadian banjir di ketiga-tiga sungai utama dengan membina ampangan-ampangan di seberang Sungai Klang dan Sungai Baru serta mendalam dan memperluaskan saluran sungai yang ada sekarang ini. Ampangan yang ketiga di seberang Sungai Gombak akan dibina. Projek-projek tambatan banjir memerlukan modal yang banyak dan memakan masa untuk dilaksanakan. Sementara itu langkah-langkah jangka pendek akan diambil dan ini termasuklah membersihkan lumpur-lumpur daripada Sungai Batu, Sungai Kerayong dan lain-lain, membersihkan parit-parit dan pembedong-pembedong yang biasanya menyebabkan banjir oleh squad petugas darurat untuk mengurangkan banjir kilat. Beberapa projek mengatasi masalah banjir telahpun disiapkan dalam tempoh masa beberapa tahun kebelakangan ini. Projek-projek tersebut telah berjaya mengatasi masalah banjir di kawasan yang selalunya berlaku banjir. Kawasan-kawasan tersebut ialah kawasan pusat bandar, Jalan Perak, Jalan Klang Lama, Batu 5, Jalan Bungsar, Jalan Riong, Tiong Nam dan lain-lain. Dengan adanya kawasan-kawasan yang disebutkan di atas terselamat daripada tekanan banjir maka

diharap akan dapat mengurangkan atau menyelesaikan masalah banjir di Kuala Lumpur ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, sebagai persiapan menghadapi kemungkinan banjir di Wilayah Persekutuan, satu jawatankuasa khas telahpun dibentuk oleh Kerajaan. Jawatankuasa ini yang pada masa ini berada dalam keadaan siap sedia telahpun membuat persiapan-persiapan yang diperlukan termasuk penyediaan pusat-pusat pemindahan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kerana terlalu banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan beberapa masalah tadi, maka saya mohon izin untuk meneruskan penerangan yang saya rasa sangat perlu diberikan.

Menyentuh dengan cadangan supaya setingan-setingan yang diberi kebenaran memasang sendiri paip air ke rumah masing-masing dengan perbelanjaan mereka sendiri seperti yang dikemukakan oleh Ahli dari Kuala Lumpur Bandar, perkara ini memangpun disedari oleh Kerajaan. Kedudukan perkara ini sedang dikaji dengan teliti memandangkan kepada implikasi yang akan timbul. Setingan-setingan yang mendirikan rumah mereka di atas tanah haram adalah tidak dibenarkan menyambung paip air ke rumah mereka. Ini adalah kerana kedudukan rumah mereka itu adalah tidak tetap. Apa yang dibuat oleh Kerajaan ialah untuk memberikan kemudahan standpipe di mana air boleh diperolehi dari paip atau standpipe yang telah disediakan itu. Pada masa ini Kerajaan membelanjakan kira-kira \$80,000 tiap-tiap bulan untuk membayar bil air yang telah diberikan kepada setingan melalui projek air yang dinamakan standpipe itu.

Mengenai mereka yang mahu mengadakan paip air sendiri, memasangnya ke rumah masing-masing, mereka itu pada satu ketika nanti akan terlibat dalam pemindahan rumah apabila tanah yang mereka duduki secara haram itu dibangunkan dan sekiranya mereka itu mahu juga memasang paip air ke rumah masing-masing, ini akan merugikan mereka sendiri apabila tanah-tanah berkenaan dibangunkan dan rumah mereka terpaksa

dirobohkan. Mengikut undang-undang tuanpunya tanah adalah berhak mengeluarkan mereka ini apabila tanah itu hendak digunakan. Sekiranya tanah berkenaan dipunyai oleh pihak Kerajaan pada satu masa nanti orang-orang itu juga dikehendaki berpindah apabila tempat tersebut hendak dibangunkan oleh Kerajaan untuk pembangunan jalan dan sebagainya. Adalah sangat susah untuk menentukan bilakah tanah-tanah yang diduduki oleh setinggan itu hendak digunakan kerana pembangunan di Kuala Lumpur ini begitu pesat dan boleh berubah mengikut keadaan dan keutamaan. Oleh itu adalah tidak bijak bagi Kerajaan memberi kebenaran ini dan kemudiannya apabila mereka berpindah akan merugikan mereka itu sendiri. Tindakan ini juga boleh mengakibatkan suatu keadaan yang akan menghalangkan usaha-usaha pembangunan di Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyokong Rang Undang-undang ini dan bersetuju Ketua Setiausaha Wilayah Persekutuan adalah membuat kerja-kerja Datuk Bandar di masa Datuk Bandar tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya. Ini adalah sebenarnya satu daripada sebab ialah kerana KSU Kementerian Wilayah Persekutuan merupakan pegawai yang kanan maka memanglah sangat sesuai bagi beliau itu diberi tugas untuk menjalankan tugas Datuk Bandar. Kita memberikan peruntukan iaitu pegawai-pegawai lain sekiranya KSU Wilayah Persekutuan sendiri tidak dapat menjalankan tugasnya setelah mengambilalih tugas daripada Datuk Bandar itu sendiri. Pegawai-pegawai yang menjalankan tugas Datuk Bandar seperti yang ditekankan hendaklah berpengalaman dan bertanggungjawab. Saya inginlah memberi jaminan di sini bahawa Kerajaan apabila melantik seseorang itu mengambil-alih tugas atau menjalankan tugas sementara Datuk Bandar itu, maka ianya tentulah daripada orang-orang yang bertanggungjawab, orang-orang yang dedikasi dan memanglah Kerajaan akan sentiasa mengawasi supaya tugas yang dijalankan itu dapat dijalankan dengan betul dan penuh bertanggungjawab terhadap apa-apa juga tugas yang dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menimbulkan masalah di mana katanya notis-notis yang banyak telah dikeluarkan atau diberi kepada orang ramai yang tidak bersalah dan tidak mengikut undang-undang. Di sini saya inginlah menafikan perkara ini. Sebenarnya, tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pegawai-pegawai Dewan Bandaraya adalah mengikut peraturan yang ditentukan oleh undang-undang dan sekiranya mereka yang berkenaan tidak puas hati mereka itu bolehlah membuat rayuan atau malahan mereka boleh membuat rayuan ke mahkamah atau kepada badan-badan yang tertentu untuk sama ada tindakan itu benar atau tidak, tetapi apabila perkara itu telah kita siasat kerana perkara itupun telah sampai ke pengetahuan saya sendiri kita dapati tindakan yang diambil adalah kepada orang-orang yang tidak mengikut undang-undang.

Misalnya, seseorang itu menjalankan perniagaan menjual kain-baju tanpa lesen atau seseorang itu menjalankan perniagaan di tempat yang lain daripada yang dibenarkan. Dalam keadaan begini untuk kepentingan semua pihak dan untuk kepentingan menjaga suasana dalam Kuala Lumpur ini supaya tidak kecoh, maka terpaksa pegawai-pegawai Dewan Bandaraya mengambil tindakan.

Dan di sini saya rasa saya bersetuju dengan kata-kata salah seorang dari Ahli Yang Berhormat tadi memandangkan kepada keadaan Kuala Lumpur ini di mana orang boleh membuat rumah di tengah malam, terpaksa pegawai-pegawai Dewan Bandaraya melaksanakan tugasnya dengan begitu tegas. Pegawai-pegawai Petugas Dewan Bandaraya telah menjalankan tugas seperti yang didakwa oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi, terutamanya Ahli dari Kuala Lumpur Bandar dengan kasar dan tanpa bertimbang rasa. Mungkin ada seorang dua daripada pegawai-pegawai itu yang berkelakuan demikian dan mereka yang telah berkelakuan demikian walaupun diberi amaran dan mereka itu sedang diperhatikan supaya mereka menjalankan tugas mereka dengan penuh bertanggungjawab mengikut peraturan undang-undang dan sebolehnya tidak sengaja menyusahkan pihak

yang berkenaan, tetapi dalam masalah menguatkuasakan undang-undang ada perkara-perkara di mana Dewan Bandaraya atau kita boleh bertolak ansur, tetapi ada perkara-perkara yang terpaksa kita mengambil tindakan yang tegas supaya mencegah akibat daripada perkara itu berlaku dan itulah sebab-sebabnya barangkali di mana kadang-kadang terpaksa pegawai-pegawai Dewan Bandaraya menjalankan tugas mereka mengikut peruntukan undang-undang dengan tegasnya.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada terdapat bukti-bukti pegawai-pegawai Dewan Bandaraya atau lain-lain pegawai Kerajaan dalam Kementerian Wilayah Persekutuan yang menjalankan tugas dengan kekerasan, menjalankan tugas dengan tidak mengikut undang-undang, maka saya sendiri inginlah mengetahui perkara ini dan saya memintalah kepada Ahli Yang Berhormat supaya memberi keterangan-keterangan yang tepat supaya perkara ini boleh diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang merupakan permintaan yang telah disampaikan oleh salah seorang Ahli Yang

Berhormat iaitu supaya setingan yang telah dipindahkan ke rumah-rumah pangsa dikecualikan daripada membayar sewa dalam masa tempoh tiga bulan pertama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, peruntukan atau wang yang digunakan untuk mendirikan rumah-rumah pangsa tersebut adalah wang pinjaman dari World Bank maka dengan itu perlulah pembayaran itu ditunaikan untuk membolehkan Bandaraya membayar balik kepada World Bank di mana wang itu diperolehi untuk mendirikan rumah-rumah pangsa yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah hendak menyambung lagi esok?

Dato Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 hari esok, Khamis, 22hb Oktober, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.